

BAB 2 : KEGIATAN POLITIK SEBELUM TAHUN 1968

Dari tahun 1951 hingga 1964, LCE telah menyertai beberapa buah parti politik termasuk berperanan sebagai salah seorang pengasas parti-parti politik tersebut. Bermula dengan penubuhan Parti Radikal (PR)¹ pada tahun 1951, beliau kemudiannya menyertai MCA pada tahun 1954 sebelum menuju United Democratic Party (UDP) pada tahun 1962. Sepanjang penyertaannya dalam parti-parti politik ini, beliau telah beberapa kali terlibat dalam krisis politik sama ada di dalam atau di luar parti. Kemelut politik yang dihadapi oleh LCE telah memaksa beliau melompat dari sebuah parti politik ke sebuah parti yang lain².

Parti Radikal

Parti ini adalah salah sebuah parti politik yang paling awal ditubuhkan di Pulau Pinang. Dr.Lim Chong Eu memainkan peranan penting dalam penubuhan parti ini bersama dengan sekumpulan golongan profesional tempatan.²

Atas inisiatif LCE, satu mesyuarat perhimpunan diadakan di Dewan Sekolah Westland pada 19 Jun 1951 dengan tujuan untuk menubuhkan sebuah parti baru. Lebih kurang 100 orang telah menghadiri perhimpunan tersebut. Di antaranya ialah doktor,

¹ Maklumat terperinci mengenai parti ini jarang dibincangkan dalam buku-buku. Ini menyebabkan penulis menghadapi masalah sumber terhad untuk menguraikan perkembangan parti tersebut.

² Beliau pernah digambar sebagai seekor katak kerana sering bertukar parti oleh seorang seorang penulis Cina. *Kwong Wah Jih Poh*, 2/4/98. Beliau pernah memegang jawatan Presiden PR, MCA (1958), UDP, GERAKAN (1971). *Utusan Malaysia*, 12/11/90.

² *Malayan Thung Pao*, 1/6/69, SP45/3225, Vol.1, No.52.

pegawai, kaunselor, guru dan sebagainya. Selain itu, LCE juga berperanan sebagai pengacara pada malam tersebut.³

Bagi LCE, tujuan penubuhan PR adalah untuk menghadapi Pilihanraya Bandaran 1951.⁴ Kedua, memberi sokongan penuh kepada pilihanraya ini dengan menarik lebih ramai penduduk Pulau Pinang mendaftar sebagai pengundi. Ketiga, untuk menggalakkan kerjasama semua kaum. Keempat, memastikan anggota Majlis Bandaran yang akan dipilih lebih cekap menguruskan pentadbiran Majlis tersebut.⁵ Ringkasnya, LCE berpendapat parti ini bermatlamat menyatukan rakyat berbilang kaum.⁶ Mengikut LCE :

*It will be the fundamental policy of the Radical Party to seek and to foster communal goodwill and co-operation in the political development of the Radical Party.*⁷

Dalam mesyuarat perhimpunan ini, parti baru ini dinamakan Parti Radikal Penang. Walaupun namanya radikal tetapi parti ini langsung tidak bersifat radikal atau extremis tetapi adalah sebuah organisasi moderate.⁸ Parti ini adalah dipimpin dan

³ Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.47.

⁴ Pilihanraya Bandaran 1951 diadakan buat kali pertama di Pulau Pinang merupakan tindakan politik British untuk menyerahkan kerajaan sendiri kepada Tanah Melayu secara beransur-ansur. Pilihanraya Bandaran ini menjadi perintis kepada pilihanraya negeri dan Persekutuan. Sila rujuk, Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, University Malaya, Kuala Lumpur, 1998, hlm.263.

⁵ *Straits Echo*, 20/6/51.

⁶ *Kwong Wah Jih Poh*, 22/6/51.

⁷ *Straits Echo*, 20/6/51.

⁸ Presiden PR iaitu C.O.Lim berkata penggunaan perkataan ‘ Radikal ’ membawa erti parti ini serius menangani masalah masyarakat. *Ibid*. Pada 27 Jun 1954, Parti Radikal Penang ditukar nama kepada Parti Radikal kerana tidak ingin dibatasi oleh faktor geografi.Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm. 47.

dianggotai oleh golongan profesional tempatan dan mereka yang berpendidikan barat.⁹

Selain itu, penubuhan PR juga adalah disebabkan oleh galakan kerajaan British.¹⁰

Bagaimanapun, LCE tidak menjadi presiden pertama PR. Sebaliknya C.O.Lim, seorang peguam dan tokoh terkenal dalam masyarakat Pulau Pinang, telah dilantik sebagai Presiden PR. Ini kerana LCE berpendapat beliau tidak harus merebut jawatan tersebut kerana usianya masih muda. Beliau hanya menjawat jawatan Naib Presiden bersama Zainal Abidin dan Chu Swee Fe. Di bawah adalah senarai Majlis Tertinggi PR,

Presiden	:	C.O.Lim
Naib Presiden	:	Lim Chong Eu
		Zainal Abidin
		Chu Swee Ee
Setiausaha	:	Sonni Pillai
Pesuruhjaya	:	Lee Thian Choo
Bnedahari	:	Lee Hong Chiang
Ahli Jawatankuasa:	Dr. Menon	
	Dr. Alias	
	Dr. Das	
	Mr. Philbert	
	Nancy Yeap Chin Poh. ¹¹	

Walaupun PR berjaya ditubuhkan, namun ia tidak mempunyai manifesto politik yang jelas kerana senario penubuhan parti politik adalah sesuatu yang baru di Pulau Pinang.¹² Oleh itu, parti ini menegaskan tugas utama adalah berkhidmat untuk masyarakat. Objektif utama adalah menguasai Majlis Tempatan Pulau Pinang.¹³

⁹ N.K.Menon dan LCE adalah doktor, Lee Thean Chu, M.E.Meera Hussain, C.O.Lim, Nancy Yeap, Oliver L. Philip dan Sonni Pillai adalah peguam. J.B.Pasty J.B.Amaradasa, "The Labour Party in the Municipal Council of George Town 1951-1966," M.A Tesis , Universiti Malaya, 1989, hlm.90.

¹⁰ Pensuruhjaya British telah menemui orang kenamaan di Pulau Pinang untuk menggalakkan mereka menuju parti politik bagi menyertai Pilihanraya Bandaran ini. R.K.Vasil, *Politics in a Plural Society : A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia*, Oxford University Press, London, 1971, hlm.94.

¹¹ Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm. 48.

¹² Report on the Introduction of Elections in the Municipality of George Town, Penang, 1951, Government Press, Kuala Lumpur, 1953, hlm.10.

¹³ Mengikut Enakmen Perbandaran baru, Majlis ini mempunyai 15 ahli Majlis. 6 daripadanya adalah dilantik terus oleh British, 9 lagi pula dipilih melalui pilihanraya. Kawasan pilihanraya terbahagi kepada 3 kawasan iaitu Jelutong, Kelawei dan Tanjung. Calon parti atau calon bebas boleh menyertai pilihanraya

Apabila penamaan calon diadakan pada 1 November 1951, PR dan Parti Buruh telah menamakan lapan orang calon. Parti UMNO pula mengemukakan lima orang calon dan terdapat tiga orang calon bebas. Manakala MCA dan MIC pula tidak menamakan sebarang calon kerana tidak menitikberatkan kepentingan pilihanraya ini. Bagi LCE, beliau tidak ingin bertanding dalam pilihanraya kali ini kerana beliau adalah anggota *Penang State Settlement Council* dan ingin memberi peluang kepada orang lain. Namun, LCE sebagai salah seorang pemimpin PR telah berusaha berkempen untuk calon partinya selama satu bulan dengan mengadakan syarahan dan melawat penghuni kawasan pilihanraya.¹⁴ Manifesto PR dalam pilihanraya ini antara lain ialah untuk memperbaiki perkhidmatan Majlis Bandaran, mengatasi masalah kenaikan kos hidup dan menujuhkan Tabung Dana Perumahan (housing trust).¹⁵ Ini menunjukkan PR menjadikan isu kebijakan masyarakat untuk memancing undi dalam pilihanraya ini.

Dalam Pilihanraya Bandaran George Town yang diadakan pada 1 Disember 1951¹⁶ ini, PR telah mencapai kemenangan besar dengan memenangi enam daripada

tersebut. 3 ahli akan dipilih dari setiap kawasan tersebut. Calon yang mempunyai undi terbanyak boleh pegang jawatan tersebut selama 3 tahun, diikuti kedua terbanyak berkhidmat selama 2 tahun, ketiga terbanyak pula selama 1 tahun. Sistem ini membolehkan pilihanraya diadakan setiap tahun bagi Majlis Bandaran. *Ibid*, hlm.15. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.48.

¹⁴ Calon PR adalah Aziz Ibrahim, N.R.Menon, Lee Thian Choo, Nancy Yeap, C.O.Lim, Meera Husain, Tan Chin Cheng dan A.C.Reutens. Calon UMNO pula ialah Che Din bin Pawanteh, Ismail bin Mai, A.M.Abu Bakar, Wanchik Abidin dan S.M.Baboo. Calon Parti Buruh ialah P.V.David, Jaswart Singh, A.Raja Gopal, A.Balakrishnan, Tan Heng Chew, Yeop Oon Chuan, Low Beng Kooi dan S.Mohd Ismail. Cheah Cheng Poh, Khoo Yat See dan Shaik.Mohd Ismail adalah calon bebas. *Straits Echo*, 30/11/51, *Kwong Wah Jih Poh*, 29/11/51, 30/11/51, 1/12/51. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm. 49.

¹⁵ Manifesto Parti Buruh adalah menjalankan pembaharuan dalam Majlis Bandaran dengan memastikan pemilihan pengurus dan semua anggota dalam Majlis adalah melalui pilihanraya, memperbaiki sistem pengangkutan dan memastikan persamaan hak untuk orang tempatan. Manakala manifesto UMNO pula berjanji mengkaji semula harga pembayaran perkhidmatan Majlis Bandaran yang dikenakan dan berkhidmat untuk penduduk luar bandar. *Straits Echo*, 30/11/51.

¹⁶ Kawasan pilihanraya ini dibahagikan kepada tiga kawasan iaitu Tanjung, Kelawei dan Jelutong. Jumlah pengundi mendaftar ialah 14514 orang. Sebanyak 72.2 peratus pengundi keluar mengundi. *Straits Echo*, 1/12/51. *Kwong Wah Jih Poh*, 2/12/51. *Report on the Introduction of Elections in the Municipality of George Town, Penang, 1951*, hlm.21.

sembilan kerusi yang dipertandingkan.¹⁷ Parti Buruh Penang dan UMNO pula masing-masing hanya menang satu kerusi sahaja. Calon-calon yang berjaya dalam Pilihanraya Bandaran ini adalah seperti di bawah :

Kawasan Tanjung	- Lee Thian Choo (PR)- 2241 undi - E.M.Meera Hussain (PR)- 2054 undi
Kerusi Kelawai	- Ponnudurai (PB)- 1792 undi - Nancy Yeap ¹⁸ (PR)-1142 undi - A.C.Reutens (PR)-831 undi - C.O.Lim (PR)-719 undi
Kawasan Jelutong	- Dr. Menon (PR)-1149 undi - C.M.Ismail (UMNO)- 987 undi -Cheah Cheng Poh (Calon bebas) ¹⁹ -949 undi

Berdasarkan keputusan pilihanraya kali ini, ia menunjukkan pemilihan seseorang calon adalah tidak bermiripkan perkauman kerana terdapat wakil dari kaum Melayu, Cina dan India di setiap kawasan pilihanraya. Bagi LCE, kejayaan PR membuktikan rakyat sedar pentingnya kerjasama antara kaum untuk menjamin kemajuan Pulau Pinang. Faktor kejayaan besar PR adalah kerana ia dianggotai oleh golongan profesional tempatan dan parti ini juga tersusun organisasinya. Ini memberikan keyakinan kepada pengundi Pulau Pinang yang kebetulan bercita-cita ingin golongan profesional tempatan menguruskan pentadbiran Majlis Bandaran ini.²⁰ Selain itu, UMNO pula hanya mengambil keputusan untuk menyertai pilihanraya ini pada akhir bulan Mei.²¹ Parti Buruh²² pula baru ditubuhkan dan masih menghadapi masalah ketandusan ahli berwibawa. Parti ini juga

¹⁷ G.P.Means, *Malaysian Politics*, University of London Press, London, 1970, hlm. 132.

¹⁸ Beliau adalah anak kepada seorang jutawan iaitu Yeap Chor Ee. *Straits Echo*, 3/12/51.

¹⁹ Report on the Introduction of the Elections in the Municipality of George Town, Penang, 1951, hlm.20.

²⁰ Ini berdasarkan calon-calon yang berjaya dalam pilihanraya ini terdiri daripada empat orang peguam, dua orang doktor, seorang Penolong Pengurus (Office Assistant), seorang bekas pengawai kerajaan, seorang pengetua sekolah. *Ibid.*, hlm.15.

²¹ R.K.Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, Radiant Publishers, New Dehli, 1980, hlm. 83-84.

²² Parti Buruh Penang ditubuhkan pada 15 Mei 1951. Yeap Choong Kong menjadi Presiden pertama parti ini. Jagjit Singh menjadi Naib Presiden. *Straits Echo*, 16/5/51. Parti ini ditubuhkan atas usaha Persatuan-Persatuan Guru-Guru, Persatuan Kakitangan Pejabat Pos, Persatuan Pekerian dan Persatuan Buruh Majlis Bandaran. Susulan itu, Parti Buruh juga ditubuhkan di Selangor, Provinsi Wellesley, Negeri Sembilan,

kurang bersistematik berbanding PR dari segi organisasi. Di sini, jelas bahawa pilihanraya 1951 tidak menjadi gelanggang bagi menguji kekuatan parti-parti politik utama di Tanah Melayu kerana masing-masing masih belum bersedia untuk bertanding. Kelebihan ini dimanfaat sepenuhnya oleh PR.

Pada peringkat awal, PR telah bekerjasama dengan Dato'Onn. Ini kerana PR merupakan antara parti politik yang menghadiri majlis pelancaran IMP (Independence of Malaya Party)²³ pada 16 September 1951 di Hotel Majestic, salah sebuah hotel ternama di Kuala Lumpur.²⁴ Ini bersesuaian dengan PR yang tidak bersifat perkauman seperti IMP. Majlis penubuhan yang meriah ini turut dihadiri oleh 500 orang termasuk pemerhati politik dan orang ramai.²⁵

Sungguhpun LCE hanya seorang Naib Presiden tetapi beliau merupakan orang yang paling rajin memajukan parti ini. Ini seterusnya menyebabkan ahli-ahli parti percaya LCE mempunyai potensi untuk menyerlah dalam kancah politik. Selain itu, wakil-wakil PR juga cemerlang dalam tugasannya dalam Majlis Bandaran, mereka juga menjalinkan hubungan baik dengan kerajaan British. Atas usaha LCE, PR menjadi sebuah parti politik yang penting di Pulau Pinang. Kemenangan besar PR dalam pilihanraya 1951 juga memberi rangsangan kepada LCE untuk terus memajukan parti ini. Untuk itu, beliau

Perak dan Melaka. *Kumpulan Gambar-Gambar Bersejarah Parti Buruh Malaya*, Jawatankuasa Kerja Parti Buruh, Kuala Lumpur, 2000.

²³ IMP ditubuhkan oleh Dato'Onn selepas beliau gagal menjadikan UMNO terbuka kepada semua bangsa dan akan bekerjasama untuk mencapai kemerdekaan Tanah Melayu. Ramlah Adam, *Dato'Onn Jaafar : Pengasas Kemerdekaan*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1992, hlm. 264.

²⁴ G.P.Means, *Malaysian Politics*, hlm. 127.

²⁵ Tan Cheng Lock telah menjadi pengurus Majlis. Pemimpin utama bukan Melayu juga hadir, antaranya H.S.Lee, Presiden MCA Selangor, Heah Joo Hing, pemimpin Chinese Chambers of Commerce dari Pulau Pinang, P.P.Narayanan, Presiden Malayan Trade Union Coorperation (MTUC) dan K.L.Devaser, Presiden Malayan Indian Congress (MIC). Ramlah Adam, *Dato'Onn Ja'afar*, hlm. 265.

membawa masuk Wong Pow Nee,²⁶ Tan Cheng Bee dan seorang akauntan bernama Wong Loo Tham dalam PR.

Kecemerlangan PR turut meningkatkan lagi kedudukan politik LCE di Pulau Pinang. Pada 1953, dengan persetujuan sebulat suara, LCE telah dipilih sebagai Presiden PR menggantikan C.O.Lim yang kemudiannya memegang jawatan Naib Presiden.

Bagaimanapun, PR mulai menunjukkan bibit-bibit kelemahan dalam Pilihanraya Bandaran George Town yang diadakan pada 6 Disember 1952.²⁷ Ini kerana PR hanya dapat mempertahankan kerusi di Kelawei iaitu melalui C.O.Lim, tetapi kalah di Jelutong dan Tanjong kepada calon UMNO dan Parti Buruh.²⁸

Kemerosotan pengaruh PR sedikit sebanyak berkait rapat dengan keputusan Pilihanraya Bandaran Kuala Lumpur yang diadakan pada Februari 1952 yang memberikan ‘trend’ baru kepada politik Tanah Melayu. Pilihanraya ini menyaksikan bibit-bibit kerjasama parti UMNO dan MCA untuk mengatasi masalah politik perkauman di Tanah Melayu.²⁹ Dalam pilihanraya ini, Perikatan UMNO-MCA telah memenangi

²⁶ Wong Pow Nee dilahirkan pada tahun 1911. Beliau merupakan anak kepada seorang tuan tanah dan peniaga. Beliau mempunyai enam orang adik-beradik dan bertugas sebagai guru di salah sebuah sekolah di Bukit Mertajam. Beliau merupakan Ketua Menteri Pertama Pulau Pinang (1957-1969). *Kwong Wah Jih Poh*, 9/4/2000.

²⁷ Mengikut Akta Pilihanraya 1951, calon yang menang kerusi dengan undi ketiga terbanyak hanya boleh menjadi ahli Majlis Bandaran selama setahun. Ini bererti tempoh perkhidmatan C.O.Lim dari PR dan ahli dari Parti Buruh dan seorang calon bebas telah tamat. *Report on the Introduction of Elections in the Municipality of George Town, Penang, 1951*, hlm.15. Dalam pilihanraya ini, PR mengemukakan tiga calon iaitu C.O.Lim, Wong Kok Kee, Aziz Ibrahim. C.O.Lim menang kerusi di kawasan Kelawei dengan memperolehi 666 undi mengalahkan calon dari Parti Buruh dan UMNO-MUSLIM iaitu A.Sabapathy dan S.M.Hussain. *Straits Echo*, 5/12/52. *Straits Echo*, 8/12/52.

²⁸ Perikatan UMNO-MCA tidak meletak calon dalam pilihanraya ini tetapi UMNO telah bergabung dengan Liga Muslim. G.P.Means, *Malaysian Politics*, hlm. 137. Calon UMNO-MUSLIM yang menang kawasan Tanjung ialah A.M.Abu Bakar, kawasan Jelutong pula dimenangi oleh calon Parti Buruh iaitu A.Raja Gopal. *Straits Echo*, 8/12/52.

²⁹ Kerjasama UMNO-MCA sebenarnya cuma berlaku di antara dua orang pemimpin kecil UMNO dan MCA iaitu Dato'Razak Yahya dengan Presiden MCA Selangor, H.S.Lee. Kerjasama ini berpunca daripada kemarahan H.S.Lee kerana tidak dapat kedudukan penting dalam IMP. Oleh itu, beliau bertekad menjatuhkan IMP melalui kerjasama dengan UMNO. R.K.Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm. 86.

sembilan daripada dua belas kerusi yang dipertandingkan.³⁰ Keputusan ini memberi dua kesan penting kepada perkembangan politik di Tanah Melayu iaitu pertama, kejatuhan IMP and kedua ialah membuktikan kejayaan kerjasama UMNO dan MCA, ini seterusnya memberikan keyakinan lebih besar kepada MCA untuk meluaskan kuasa politiknya bagi melindungi kepentingan orang Cina dan kerjasama UMNO-MCA dilanjutkan ke peringkat Kebangsaan.³¹

Sungguhpun LCE dapat merasai kemerosotan pengaruh PR di Pulau Pinang, namun beliau tetap mengambil keputusan untuk bertanding di kawasan Jelutong sebagai calon PR dalam Pilihanraya Bandaran yang diadakan pada 5 Disember 1953.³² Sememangnya LCE amat memandang berat pilihanraya kali ini kerana ia merupakan tempat untuk menguji pengaruh politiknya di Pulau Pinang. Oleh itu, beliau giat berkempen di sekitar Pulau Pinang untuk memancing undi khususnya di kawasan Jelutong, Dato Keramat dan Esplanade.³³ Semasa berkempen, beliau telah membangkitkan isu kebijakan masyarakat dan memberi jaminan akan meningkatkan taraf hidup masyarakat negeri Pulau Pinang.³⁴ Selain itu, LCE juga mempunyai pendirian politik yang tidak bersifat perkauman semasa berkempen dan ini adalah selaras dengan prinsip politik PR. Menurut LCE :

*I would like you to know that if I must thank you for voting
me simply because I happen to be Chinese, yet I will thank*

³⁰ Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 264.

³¹ R.K. Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm. 88-89.

³² Calon-calon PR lain ialah Wong Loh Hun di kawasan Tanjung dan A.C. Reutens di kawasan Kelawai. *Straits Echo*, 4/11/53.

³³ *Straits Echo*, 13/11/53. *Sunday Gazette*, 29/11/53, 3/12/53.

³⁴ Antara janji LCE dalam pilihanraya ini ialah mengadakan operasi kawalan nyamuk yang lebih kerap di kawasan kampung, memperbaiki keadaan hidup masyarakat buruh, menghapuskan bayaran tahunan pendaftaran basikal, menurunkan cukai yang dikenakan ke atas penjaja dan pemilik gerai, penyusunan semula kawalan trafik bagi sekolah Cina. *Straits Echo*, 13/11/53.

*you a hundred and thousand times more if you vote me only because you think that I am the candidate who can best serve the interests of Jelutong.*³⁵

Sungguhpun LCE berusaha keras untuk memastikan kejayaan dirinya dan PR dalam pilihanraya ini, namun, ketiga-tiga calon PR termasuk LCE sendiri kecundang di tangan calon-calon UMNO dengan jumlah undi yang agak besar walaupun MCA tidak bertanding di Pulau Pinang. Keputusan Pilihanraya Bandaran George Town 1953 seperti berikut,

Kawasan Jelutong	: Hashim (UMNO) - 2178 undi Pakumam (Parti Buruh) – 1561 undi Lim Chong Eu (PR) – 1186 undi Chandran Singh (Calon bebas) – 416 undi
Kawasan Tanjung	: Tai Pa Kan (UMNO) – 3128 undi Khoo See Ren (Calon bebas) – 1526 undi Wong Loh Hun (PR) – 1508 undi Yong Ching Kong (Parti Buruh) – 494 undi
Kawasan Kelawei	: Hussain (UMNO) – 883 undi A.C.Reutens (PR) – 541 undi Khoo Soo Yong (Calon bebas) – 406 undi Namanathan (Parti Buruh) – 255 undi. ³⁶

Pada dasarnya, kekalahan teruk LCE dan PR adalah berpunca daripada kejayaan kerjasama UMNO-MCA sebelum ini yang sedikit sebanyak telah menyebabkan pengundi Cina memberi undi kepada UMNO. Keadaan ini mengakibatkan berlakunya perpecahan dalam undi Cina. Ini juga merupakan susulan perubahan kerangka pemikiran pengundi yang kini menjadi lebih sempit (parochial) dan bersifat perkauman kerana percaya bahawa kepentingan kaum mereka sendiri harus diutamakan. Namun anggota PR termasuk LCE sendiri tidak dapat menerima pemikiran politik yang bercorak perkauman ini. Keadaan ini disebabkan kebanyakan ahli PR termasuk LCE adalah mendapat didikan

³⁵ *Straits Echo*, 5/12/53.

³⁶ *Straits Echo*, 6/12/53.

di sekolah Inggeris dan naungan kolonial (colonial patronage). Oleh itu, mereka tidak berminat dengan idea perkauman dan akhirnya mereka memilih untuk tidak menyokong idea pemikiran seumpama ini.³⁷ Menurut LCE :

*We do not say that communalism is wrong or wicked, but we try to persuade others that for the future peace and harmony of Malaya, it is better to have communal co-operation for if one seeks political powers of communalism Malaya will be doomed to failure.*³⁸

Tindakan ini telah menyebabkan pengundi-pengundi kini mengalih kepada menyokong parti-parti politik bersifat perkauman seperti UMNO, MCA dan MIC untuk menjaga kepentingan mereka. Selain itu, dalam pilihanraya 1952 dan 1953 di Pulau Pinang, pengundi Cina yang berdaftar adalah sedikit kerana tidak berminat menyebabkan peluang untuk calon PR mencapai kemenangan adalah tipis. Misalnya dalam Pilihanraya 1952, pengundi India dan Melayu mencakupi 90% manakala pengundi Cina hanya 10%.³⁹

Kekalahan PR pada tahun 1953 telah menyedarkan LCE bahawa PR tidak boleh bergerak secara bersendirian. Pada tahun 1954, Tan Cheng Lock* dan Leong Yew Koh telah berusaha menguatkan kedudukan MCA di Pulau Pinang.⁴⁰ Kedua-dua mereka telah mempelawa LCE supaya menyertai MCA. Ini kerana mereka sedar LCE adalah orang

³⁷ J.B.Pasty J.B.Amaradasa, " The Labour Party in the Municipal Council of George Town 1951-1966, " hlm. 111.

³⁸ *Straits Echo*, 4/12/53.

³⁹ Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.54-56.

* Beliau merupakan Presiden pertama MCA (1949-1958) dan seorang ahli perniagaan Cina yang amat terkenal.

⁴⁰ Tan Cheng Lock berazam untuk melihat Parti Perikatan kuat di Pulau Pinang. Beliau menyeru parti-parti politik di Pulau Pinang seperti PR dan Parti Buruh supaya bergabung dengan Perikatan untuk membentuk sebuah parti politik yang kuat bagi menjadikan UMNO-MCA berjaya di seluruh Tanah Melayu. *Straits Echo*, 6/8/54.

yang berpengaruh dalam politik di Pulau Pinang. Setelah bermesyuarat beberapa kali. Akhirnya, PR di bawah pimpinan LCE mengambil keputusan untuk menyertai Perikatan UMNO-MCA.⁴¹

Pada tahun 1954, LCE telah menyertai MCA dan melepaskan jawatan Presiden parti kepada Dr.Menon dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa Kerja pada bulan Jun 1954. Beliau hanya menjadi Naib Presiden PR. Sebagai tanda sokongan kepada Parti Perikatan, PR tidak menghantar calon bertanding dalam Pilihanraya Bandaran George Town pada November 1954 sebaliknya memberi sokongan penuh kepada calon Perikatan.⁴² Penyertaan LCE dalam MCA telah menyebabkan nama beliau kini lebih dikaitkan dengan MCA manakala ikatannya dengan PR semakin longgar ditelan masa.

Walaupun PR hanya menyerlah dalam kancah politik di Pulau Pinang untuk satu jangka masa yang amat singkat, namun ia tetap menjadi ‘platform’ kepada LCE untuk mendapat perhatian umum yang menyebabkan beliau dipelawa menyertai MCA.

Presiden MCA

Sebelum LCE menjadi Presiden MCA pada tahun 1958. Dalam tempoh antara tahun 1954 hingga 1958 itu, LCE telah menunjukkan bahawa beliau mendapat perhatian yang utama dalam MCA. Bagi Tan Cheng Lock, LCE merupakan seorang ahli politik yang cukup berpengaruh di Pulau Pinang. Ini dapat digambarkan dengan penyertaan

⁴¹ Tujuan Tan Cheng Lock mempelawa LCE masuk MCA ialah bertujuan untuk mendorong beliau membawa masuk PR ke dalam Perikatan. Oleh itu, LCE mempunyai dua pilihan iaitu sama ada ingin memihak kepada Dato'Onn dari Parti Negara atau bekerjasam dengan Perikatan. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm. 54-56, *Straits Echo*, 7/8/54, *Sing Pin Jit Poh*, 29/10/54.

⁴² Sebenarnya, tujuan LCE berbuat demikian adalah untuk kebaikan PR. Ini kerana MCA ingin beliau menyertai parti ini sebagai ahli PR. Untuk memastikan PR masih mempunyai jurucakap tertinggi setelah kemasukannya dalam MCA. Cara terbaik ialah beliau menjadi Naib Presiden. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm. 60. *Straits Echo*, 28/6/54, *Straits Echo*, 29/6/54. Calon-calon Parti Perikatan ialah Idris, Abdullah dan Yeap Guan Goh. *Sing Pin Jit Poh*, 5/12/54.

LCE dalam Jawatankuasa Kerja MCA cawangan Pulau Pinang bagi membincangkan dengan UMNO mengenai soal pembentukan Parti Perikatan di negeri tersebut.⁴³

Pada 19 Januari 1955, LCE telah bertanding dalam Pilihanraya *Penang State Settlement Council* sebagai calon Perikatan di kawasan Kelawei.⁴⁴ Dalam pilihanraya ini, beliau telah menghadapi saingan hebat daripada calon lawannya iaitu Ooi Siew Neah.⁴⁵ Ooi Siew Neah mempunyai reputasi tinggi dalam dunia perniagaan manakala LCE pula berkedudukan tinggi dalam arena politik. Persaingan kedua-dua calon ini telah mendapat liputan luas daripada pihak media.

Dalam pilihanraya ini, Pulau Pinang terbahagi kepada 14 kawasan pertandingan. Perikatan yang terdiri daripada MCA, UMNO dan PR telah bertanding di kesemua 14 kawasan tersebut. Walau bagaimanapun, LCE yang mengetuai Parti Perikatan bertanding dalam pilihanraya kali ini terus menunjukkan kecemerlangannya.⁴⁶ Keputusan Pilihanraya *Penang State Settlement Council* adalah seperti di bawah :

Tanjong Bungah – Cheah Seng Kim (Perikatan) – menang tanpa bertanding

Bayan Lepas – Aziz (Perikatan) – menang tanpa bertanding

Penang Selatan – Hussien (Perikatan) – menang tanpa bertanding

Penang Barat – Ngah Hashim (Perikatan) – 4328 undi
- Boo Chong Huat (Calon bebas) – 1175 undi

Tanjong Timur – Wong Loo Tham (Perikatan) – 4616 undi

⁴³ Jawatankuasa ini mempunyai 15 orang ahli. Antara lain ialah Ong Joo Hooi, Ng Swee Kim, Leong Kam Yew, Khoo Yew Aik dan Cheah Cheng Poh. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm. 59.

⁴⁴ *Straits Echo*, 19/2/55.

⁴⁵ Beliau adalah isteri kepada Yeap Kim Hoe yang juga anak kedua kepada Yeap Chor Ee, seorang jutawan. Yeap Chor Ee merupakan pengasas bank Ban Hin Lee. Bapa Ooi Siew Neah pula merupakan seorang pengusaha gula yang terkenal di Indonesia dan Asia Tenggara. Ooi Siew Neah banyak mencetak poster untuk menarik undi. *Sing Pin Jit Poh*, 18/2/55.

⁴⁶ Parti-parti politik lain yang bertanding dalam pilihanraya ini ialah Parti Buruh Penang, Parti Buruh Penang Provinsi Wellesley dan Parti Negara. *Straits Echo*, 20/2/55, 21/2/55.

- Abdul Wahab (Parti Negara) – 1641 undi
- Tanjong Barat – Abu Bakar (Perikatan) – 2681 undi
 - Zakaria (Parti Negara) - 734 undi
- Jelutong – Dr.Menon (Perikatan)- 5074 undi
 - Sharif (Parti Negara) – 764 undi
- Kelawei – Dr.Lim Chong Eu (Perikatan) – 1535 undi
 - Ooi Siew Neoh (Calon bebas) – 635 undi
- Tengah P.W – Mohamad Ang (Perikatan) – menang tanpa bertanding
- Utara P.W. – Hashim Awang (Perikatan) – 3492 undi
 - Ibrahim (Parti Buruh) – 1812 undi
- Butterworth – Ooi Chong Kee (Perikatan) – 3492 undi
 - Ooi Kuan Yong (Parti Buruh) – 1812 undi
- Batu Kawan – Sinniah (Perikatan) – 2815 undi
 - Kandiah (Parti Buruh) – 589 undi
- Selatan P. W. – Hashim Sulaiman (Perikatan) – 2076 undi
 - Lim Teok Hoe (Parti Buruh) – 821 undi
- Bukit Mertajam – Wong Pow Nee (Perikatan) – 4966 undi
 - Dr. Khoo Kay Gan (Calon bebas) 858 undi
 - Ong Chye Gaik (Parti Buruh) – 187 undi.⁴⁷

Berdasarkan keputusan pilihanraya ini, jelas Parti Perikatan telah menang kesemua 14 kerusi yang dipertandingkan. Dengan 10 lagi ahli Majlis yang dilantik terus oleh Kerajaan British dan gabenor sebagai ahli *ex-officio*, ini menjadikan *Penang State Settlement Council* mempunyai 25 orang ahli dengan majoritinya dipilih melalui pilihanraya. Yang lebih penting sekali adalah kejayaan LCE dalam pilihanraya ini telah sekali lagi meningkatkan popularitinya dalam dunia politik di Pulau Pinang khususnya dalam *Penang State Settlement Council*. Malahan beliau dipilih sebagai Ketua Parti Perikatan dalam *Penang Settlement State Council* ini dalam satu Mesyuarat Jawatankuasa

⁴⁷ *Ibid.*

Kerja Perikatan pada 2 Mac 1955. Ini bagi memastikan ahli Perikatan mempunyai pendirian politik yang sama dalam Majlis ini.⁴⁸ Ini menunjukkan beliau merupakan ketua parti yang menang majoriti dalam majlis tersebut, walaupun kuasa sebenar masih terletak di tangan gabenor.

Di dalam MCA pula, LCE terus mendapat kedudukan penting dalam parti dengan menjadi salah seorang pemimpin di Peringkat Pusat. Pada 12 Mac 1955, beliau telah dipilih sebagai salah seorang daripada 16 orang wakil MCA yang menghadiri Mesyuarat Perhimpunan Kebangsaan Parti Perikatan.⁴⁹

Pilihanraya Persekutuan telah diadakan buat kali pertama pada 27 Julai 1955.⁵⁰ Manifesto Parti Perikatan dalam pilihanraya ini hanya merangkumi dasar-dasar bekerja dan berusaha membentuk sebuah kerajaan sendiri, sebaliknya isu-isu sensitif seperti isu kerakyatan dan bahasa dielakkan.⁵¹

⁴⁸ *Sing Pin Jit Poh*, 4/3/55.

⁴⁹ Dalam perhimpunan tersebut, MCA menghantar 16 orang wakil, antaranya ialah Tan Cheng Lok, Tan Siew Sin, Leong Yew Koh, H.S.Lee dan Too Joo Hing., Ibid., hlm. 71.

⁵⁰ Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1997, hlm. 165. Dalam pilihanraya ini, jumlah ahli yang akan dipilih untuk menjadi wakil dalam Majlis Perundangan Persekutuan membentuk majoriti dalam Majlis (52 daripada 98 ahli), ahli yang bukan dipilih, selain daripada speaker terdiri daripada tiga orang ahli ex-officio, sembilan orang Menteri Besar bagi sembilan Negeri Melayu, dan seorang wakil dari setiap Negeri Selat (Melaka dan Pulau Pinang) serta 32 orang ahli yang dilantik. Dalam soal pembahagian kerusi bagi Parti Perikatan, Mesyuarat agung UMNO meminta 40 kerusi bagi UMNO memandangkan jumlah pengundi Melayu sebagai yang terbesar iaitu 84% daripada seluruh jumlah pengundi. UMNO juga mencadangkan MCA diberi 12 kerusi dan tiada kerusi bagi MIC. Cadangan ini telah dibantah oleh Presiden UMNO sendiri iaitu Tengku Abdul Rahman. Dalam mesyuarat Majlis Kebangsaan Perikatan kemudiannya telah diputuskan bahawa, UMNO mendapat 35 kerusi, MCA 15 kerusi dan MIC 2 kerusi. Ini diterima baik oleh MCA dan MIC. G.P.Means, *Malaysian Politics*, hlm.208-218. Lihat juga Cheah See Kian, *Perubahan dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia*, The Phoenix Publications Sdn.Bhd, Pulau Pinang, 1984, hlm.271-272.

⁵¹ Untuk keterangan lanjut, sila lihat Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 271-272 .

Dalam pilihanraya ini, Parti Perikatan telah memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan.⁵² Tengku Abdul Rahman yang memimpin parti tersebut telah dilantik sebagai Ketua Menteri dan membentuk sebuah kabinet.⁵³

Bagaimanapun, LCE tidak menyertai Pilihanraya 1955 ini kerana Pulau Pinang akan secara automatik mengemukakan seorang wakil untuk menganggotai Majlis Perundangan Persekutuan. Kedudukan LCE sebagai orang yang berpengaruh dalam *Penang State Settlement Council* telah memberikan harapan yang cerah kepada beliau untuk dipilih menganggotai majlis tersebut. Akhirnya, LCE telah dipilih memasuki Majlis Perundangan Persekutuan sebagai wakil dari Pulau Pinang.⁵⁴

Kepentingan dan kedudukan LCE di Pulau Pinang dapat juga digambarkan menerusi timbulnya desas-desus mengatakan beliau akan menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang yang pertama.⁵⁵ Sungguhpun Tengku Abdul Rahman kemudiannya menawarkan jawatan tersebut kepada LCE tetapi tawaran tersebut telah ditolak oleh beliau.⁵⁶ Sebaliknya LCE mencadangkan seorang calon lain, Wong Pow Nee bagi memegang jawatan tersebut. Keengganan LCE menerima jawatan Ketua Menteri pada tahun 1957 adalah kerana beliau bercita-cita menjadi seorang pemimpin masyarakat Cina bersifat kebangsaan yang disanjungi.⁵⁷ Mengikut LCE :

⁵² Parti Perikatan hanya tewas di kawasan Krian di Perak kepada calon PAS (Pan-Malayan Islamic Party). Perikatan mencapai kemenangan besar di 51 kawasan yang lain dengan memperolehi 80 peratus daripada jumlah undi. T.E.Smith, *Report on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Government Press, Kuala Lumpur, 1955, hlm.30-31.

⁵³ R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan Di Malaysia*, hlm. 47.

⁵⁴ Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm. 72.

⁵⁵ *Sing Pin Jit Poh*, 5/8/57.

⁵⁶ Sebenarnya terdapat pelbagai sebab Dr. Lim menolak tawaran tersebut. Salah satu sebab utama ialah kematian ayahnya, Lim Chwee Leong pada 27 Mei 1957. *Sing Pin Jit Poh*, 11/8/57. Lihat juga bab 1.

⁵⁷ "Dr.Lim Chong Eu gagal jadi pemimpin MCA ", hlm.8. Wong Pow Nee adalah seorang guru Bahasa Inggeris yang ketika itu sedang mengajar di Bukit Mertajam. Pada mulanya, LCE lebih mengharapkan emak saudaranya iaitu Cheah Seng Kim akan menjadi Ketua Menteri. Tetapi atas desakan Datuk Loh Boon Siew, beliau terpaksa membatalkan niatnya itu. Ini berikutan timbulnya pengaduhan antara Datuk Loh dan Cheah See Kian sebelum ini kerana urusan perniagaan. Manakala LCE terpaksa tunduk kepada kehendak

Saya tidak dapat terima jawatan Ketua Menteri kerana pelbagai sebab...saya secara individu amat yakin keupayaan Wong Pow Nee untuk memimpin negeri ini.⁵⁸

Sungguhpun LCE tidak memasuki kabinet baru yang dibentuk selepas pilihanraya 1955 tetapi beliau dipilih sebagai Ketua Barisan (Chief Whip) Perikatan dalam Majlis Perundangan Persekutuan. Beliau juga merupakan salah seorang anggota yang terlibat dalam satu Jawatankuasa yang ditugaskan untuk menyusun dan merangka semula sistem pendidikan di Tanah Melayu. Hasil kajian ini dikenali sebagai Laporan Razak.⁵⁹

Peranan LCE dalam Jawatankuasa ini agak penting; beliau telah mengemukakan satu cadangan iaitu sekolah rendah diadakan dalam empat bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Tamil dan bahasa Cina dengan syarat bahasa kebangsaan dijadikan satu matapelajaran yang wajib di sekolah-sekolah berkenaan. Cadangan LCE ini telah diterima oleh pihak Jawatankuasa dengan memasukkan kesemua empat jenis aliran sekolah rendah dalam sistem pendidikan kebangsaan.⁶⁰ Jawatankuasa ini telah mengusulkan agar semua sekolah rendah dimasukkan ke dalam dua jenis golongan yang besar iaitu :

Datuk Loh kerana beliau adalah penaja kewangan utama MCA di Pulau Pinang pada masa itu. Chua See Ho, *Kisah Loh Boon Siew*, hlm.82-88.

⁵⁸ *Sing Pin Jit Poh*, 11/8/57.

⁵⁹ Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Menteri Pelajaran ketika itu iaitu Dato' Abdul Razak bin Hussain. Anggota-anggota lain ialah V.T.Sambanthan, Suleiman bin Dato' Abdul Rahman, Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid, Shamsudin bin Nain, Too Joo Hing, Abdul Rahman bin Haji Talib, Goh Chee Yan, Dr. Lim Chong Eu, Zainal Abidin bin Sultan Mydin, Leong Cheung Ling, Mohamad Ghazali bin Jawi, Lee Thean Hin dan Mohamed Idris bin Matsil. Malaya, *Report on the Education Committee 1956 (Razak Report)*, Government Printers, Kuala Lumpur, 1956. Ibrahim Saad, *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1986, hlm.52. Jawatankuasa ini telah mengadakan rundingan dari September 1955 hingga April 1956. Laporan Razak diterbit pada bulan Ogos 1956, kemudian dijadikan Ordinan pelajaran 1957. K.Ramanathan, *Politik dalam Pendidikan Bahasa 1930-1971*, Fajar Bakti, Petaling Jaya, 1985, hlm.60.

⁶⁰ Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961*, hlm. 170-171.

- a) Sekolah Rendah Umum (Standard Primary school) dengan bahasa pengantar adalah bahasa kebangsaan.
- b) Sekolah Rendah Jenis Umum (Standard-type Primary school) dengan bahasa pengantar adalah Kuo Yu atau Tamil atau Inggeris.⁶¹

Ini bererti Laporan Razak telah mengetepikan satu sistem persekolahan kebangsaan yang satu tetapi sebaliknya membenarkan kanak-kanak terus mendapat pelajaran sekolah rendah mereka dalam sekolah-sekolah bahasa ibunda. Padahal, objektif utama dasar pendidikan negara ini adalah untuk menyatukan kanak-kanak dari semua kaum di bawah satu sistem pendidikan kebangsaan dengan bahasa kebangsaan menjadi bahasa pengajaran utama. Mengikut laporan ini :

We believe further that the ultimate objective of educational policy in this country must be to bring together the children of all races under a national educational system in which the national language is the main medium of instruction...⁶²

Oleh itu, ternyata Penyata Razak tidak menggambarkan hal ini. Ini menunjukkan terdapat kelonggaran di dalam kurikulum sekolah untuk memberi perhatian yang tertentu terhadap kebudayaan dan bahasa.⁶³

Penerimaan idea LCE dalam Laporan Razak ini telah menyebabkan beliau kini berjaya menambatkan hati masyarakat Cina yang menunjukkan reaksi positif terhadap

⁶¹ Malaya, *Report on the Education Committee 1956 (Razak Report)*, hlm.9-10. K.J.Ratnam (terjemahan Kassim Ahmad), *Paham Perkauman dan Proses Politik di Malaya*, University Malaya, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 149.

⁶² Malaya, *Report on the Education Committee 1956 (Razak Report)*, hlm.3.

⁶³ Mengenai sekolah menengah pula, laporan ini menyatakan bahawa tujuan utama sekolah menengah adalah melatih warganegara yang taat dan rajin berusaha. Untuk itu diadakan satu sekolah menengah kebangsaan dan murid-murid akan belajar untuk satu peperiksaan akhir yang sama. K.Ramanathan, *Politik*

Penyata Razak kerana Ordinan Pelajaran 1952⁶⁴ telah ditolak. Masyarakat Cina menentang ordinan ini kerana apa yang dicatat dalam Ordinan Pelajaran 1952 ialah Tanah Melayu harus mempunyai dua jenis sekolah kebangsaan dengan menggunakan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Manakala bahasa Cina akan diajarkan di sekolah-sekolah jika diminta oleh ibubapa pelajar.⁶⁵ Oleh itu, sekolah-sekolah asli Cina akan mengalami kesan yang besar kerana melalui dasar ini bermakna masyarakat Cina terpaksa mengelepik bahasa perantaraan yang selama ini telah mengekalkan identiti etnik dan kebudayaan mereka. Masyarakat Cina percaya keadaan ini akan membahayakan perkembangan bahasa dan kebudayaan mereka.⁶⁶ Bagaimanapun, buat pertama kalinya sekolah-sekolah Cina diterima dan diberi jaminan layanan samarata dalam sistem pendidikan kebangsaan.⁶⁷

Sungguhpun LCE telah berusaha mempertahankan kepentingan masyarakat Cina dalam bidang pendidikan tetapi apabila laporan ini diterbitkan, UCTA (United Chinese Teachers Association) dan AMCSMA (ALL-Malaya Chinese School Management Association) menentang laporan tersebut. Bagi mereka, laporan ini memandang rendah terhadap pendidikan Cina terutamanya berhubung dengan soal bantuan dan penggunaan bahasa Melayu dan Inggeris sahaja dalam peperiksaan umum dan juga peperiksaan untuk memasuki perkhidmatan kerajaan. Bagi mereka, penerimaan laporan ini merupakan satu

dalam Pendidikan Bahasa, hlm. 60-62 Untuk lihat cadangan lain dalam Laporan Razak. Sila rujuk K.J.Ratham, *Paham Politik dan Proses Politik di Malaya*, hlm. 146-150.

⁶⁴ Kerajaan British telah menyatukan Laporan Barnes dan Laporan Fenn-Wu ke dalam satu bentuk dipanggil Report on Barnes Report on Malay Education and Fenn-Wu Report on Chinese Education. Laporan ini menjadi asas kepada pembentukan Ordinan Pelajaran 1952. Malaya, *Report on Barnes Report on Malay Education and Fenn-Wu Report on Chinese Education*, Government Printers, 1951.

⁶⁵ *Ibid.*, hlm.3-4.

⁶⁶ Bantahan daripada masyarakat India pada umumnya adalah secara lembut dan tidak penting kerana persoalan pelajaran India diuruskan oleh MIC. K.Ramanathan, *Politik dalam Pendidikan Bahasa*, hlm.44-51.

⁶⁷ Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961*, hlm. 177.

tolak ansur bagi pemimpin-pemimpin MCA terhadap dasar kerakyatan yang liberal di dalam Perlembagaan.⁶⁸ Sebagai langkah mengurangkan kritikan daripada golongan pembangkang, MCA telah menubuhkan satu Jawatankuasa Pelajaran Pusat untuk mengkaji kesan dan akibat laporan tersebut dengan LCE menjadi salah seorang anggotanya. Sejak LCE menyertai Jawatan Kuasa Kerja MCA, beliau sering ditugaskan memerhatikan masalah pendidikan Cina.⁶⁹ Keadaaan ini membuka peluang lebih luas kepada LCE untuk mendekati dan memahami masalah masyarakat Cina secara keseluruhannya.

Bagaimanapun, kegagalan MCA dalam menyelesaikan beberapa isu penting yang menjadi tuntutan masyarakat Cina telah menjaskan kedudukan parti tersebut. Antaranya ialah Perikatan hanya berjanji untuk mengadakan satu Jawatankuasa untuk menyemak semula Laporan Razak selepas pilihanraya 1959.⁷⁰ Ini menunjukkan MCA selaku parti komponen Perikatan hanya bersetuju dengan cadangan tersebut, dan ini telah menimbulkan kemarahan masyarakat Cina. Selain itu, cadangan-cadangan Suruhanjaya Reid^{*} yang mendrafkan perlembagaan yang akan memberi kerajaan sendiri secara penuh dan kemerdekaan kepada Tanah Melayu juga turut menerima kritikan masyarakat Cina. Masyarakat Cina rata-rata tidak dapat menerima pemberian kedudukan hak-hak

⁶⁸ Lee Kam Hing, "MCA dalam Peralihan 1956-1959," dalam *Malaysia : Sejarah dan Proses Pembangunan*, Persatuan Sejarah Malaysia, Bangi, 1979, hlm. 212. Pada 23 Januari 1956, sebagai bantahan terhadap perlaksanaan sekolah menengah kebangsaan, berlakulah permogokan pelajar di Sekolah Chung Ling di Pulau Pinang yang mengakibatkan sekolah tersebut ditutup selama 3 minggu dan 68 pelajar digantung sekolah, Cheah See Kian, *Penilaian Dr. Lim Chong Eu*, hlm. 74. Pada pertengahan November 1957, beberapa rusuhan dicetuskan oleh pelajar-pelajar sekolah Cina berlaku di Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur dan Seremban berkenaan bahasa pengantar yang bakal digunakan dalam peperiksaan kerajaan. Kerajaan Perikatan memutus menutup semua sekolah Cina selama seminggu mulai 17 November 1957. MCA pula sebagai ahli Parti Perikatan tidak dapat berbuat apa-apa. K.Ramanatham, *Politik dalam Pendidikan Bahasa*, hlm. 76.

⁶⁹ Cheah See Kian, *Penilaian Dr. Lim Chong Eu*, hlm. 75.

⁷⁰ Cheah See Kian, *Perubahan dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia*, hlm. 64.

keistimewaan kepada orang Melayu.⁷¹ Parti Perikatan juga dikritik oleh orang Melayu kerana kerakyatan yang longgar iaitu *jus soli* sebagai dasar kerakyatan.

Sungguhpun Parti Perikatan berusaha mengelak daripada membincangkan isu-isu sensitif ini, sebaliknya ia digunakan oleh parti pembangkang untuk mencari populariti. Parti Buruh mendesak semua rakyat Tanah Melayu diberikan layanan sama rata tanpa mengirakan kaum. People Progressive Party (PPP) pula di bawah pimpinan Dr.Seenivasagam mendesak satu dasar yang sama rata dalam soal kerakyatan, bahasa kebangsaan dan hak asasi manusia.⁷²

Semua keadaan ini telah memberikan kesan negatif kepada MCA. Pada bulan Disember 1956, MCA menerima kekalahan yang pertama apabila Parti Buruh berjaya menguasai Municipaliti Pulau Pinang. Ini merupakan tanda permulaan kemerosotan sokongan pengundi-pengundi Cina kepada MCA dan juga kehilangan pengaruh politiknya. Pada bulan November 1957, calonnya dikalahkan oleh Dr.Seenivasagam^{**} di kawasan Ipoh-Menglembu bagi Majlis Perundungan Federal. Pada tahun 1958 pula, MCA kehilangan kuasa Majlis Perbandaran Ipoh kepada PPP.⁷³

Kemelesatan pengaruh politik MCA juga disebabkan oleh masalah dalaman parti. Terdapat perpecahan dalam parti MCA yang terbahagi kepada tiga golongan iaitu sederhana, ekstrem dan campuran kedua-dua unsur terawal.⁷⁴ Di peringkat ini,

* Suruhanjaya Reid merupakan satu jawatankuasa antarabangsa yang dibentuk untuk mendraf perlembagaan Tanah Melayu. Ia mengandungi lima orang anggota iaitu seorang dari Britain, India, Pakistan, Australia dan Kanada.

⁷¹ Suruhanjaya Reid telah menjalankan tugasnya pada bulan Jun hingga Oktober 1956. Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 168-170.

⁷² Ibid., hlm. 170.

^{**} S. P. Seenivasagam ialah seorang peguam di Ipoh. Beliau juga pemimpin utama Perak Progressive Party.

⁷³ Lee Kam Hing, "Three Approaches In Peninsular Malaysia Chinese Politics: The MCA, The DAP and The Gerakan," dalam Zakaria Haji Ahmad (ed), *Government and Politics of Malaysia*, Oxford University Press, New York, 1987, hlm. 75.

⁷⁴ Kumpulan pertama adalah mereka yang bersekolah Inggeris dan mempunyai pengetahuan tentang institusi politik dan proses politik yang berbentuk barat. Kumpulan kedua mengandungi pemimpin dari

kedudukan kumpulan tengah adalah kritikal. Mengenai isu kerakyatan dan bahasa, pihak LCE dan Too Joo Hing memihak kepada golongan jenis persatuan. Namun mereka menyokong langkah untuk berunding dengan parti gabungan Perikatan yang lain dan bersetuju untuk mengeluarkan satu memorandum bersama. Dengan ini, golongan jenis persatuan telah kehilangan sokongan penting dalam MCA dan ini melemahkan mereka yang akhirnya menyebabkan mereka mula bertindak di luar daripada batasan parti.⁷⁵ Sememangnya LCE bukan seorang yang bersifat ekstremis tetapi bersifat moderate dan lebih suka sesuatu masalah itu diselesaikan secara rundingan dan bukan melalui tindakan terburu-buru.

Kegagalan MCA menegakkan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi negara dan sekolah Cina sebagai sekolah kebangsaan telah menyebabkan muncul beberapa kumpulan menentang MCA atau Perikatan-Suruhanjaya Reid. Kumpulan ini ialah UCSTA dari AMCSMA.⁷⁶ Malahan FCGA (Federation of Chinese Guilds and Association) yang diketuai Lau Pak Khuan telah mengambil keputusan menghantar satu utusan ke London bagi mengemukakan satu memorandum berasingan dari MCA pada tahun 1957.⁷⁷

Bagi LCE, beliau tidak setuju dengan misi Lau Pak Khuan ke London kerana menyifatkan tindakan tersebut akan merugikan negara dan masyarakat Cina. Beliau lebih

berbagai guilds dan persatuan, Kesatuan Perdagangan China dan Persatuan Guru-guru Sekolah Cina. Kumpulan ini disifatkan sebagai kumpulan jenis persatuan. Kumpulan ketiga adalah segolongan tokoh-tokoh yang menerima pandangan kedua-kedua kumpulan ini. Sesetengah dari mereka ini mempunyai pelajaran Cina dan Inggeris, ataupun fasih bertutur dalam kedua-dua bahasa. Lee Kam Hing, " MCA dalam Peralihan 1956-1959 , " hlm. 209-210 .

⁷⁵ *Ibid.*, hlm.213.

⁷⁶ Ramlah Adam, *Kemelut Politik Semenanjung Tanah Melayu*, hlm. 281.

⁷⁷ Memorandum ini merangkumi syarat-syarat seperti pemberian hak kerakyatan berdasarkan jus soli, pemberian hak kerakyatan selepas 5 tahun tinggal di Tanah Melayu, tidak ada ujian bahasa dikenakan bagi memperolehi hak kerakyatan, penerimaan bahasa Cina sebagai bahasa rasmi di Tanah Melayu. G.P.Means, *Malaysian Politics*, hlm. 201.

suka masalah pendidikan Cina diselesaikan di dalam negara sendiri dan sedar struktur kerjasama antara kaum dalam Perikatan merupakan satu-satunya saluran yang dapat mencerahkan masa depan negara.⁷⁸

Atas kesedaran LCE mengenai pengaruh politik parti pembangkang yang kian meningkat⁷⁹ serta perpecahan pendapat dalam MCA telah memberikan dorongan kepada beliau untuk menjalankan reformasi dalam parti bertujuan untuk mengembalikan keyakinan masyarakat Cina terhadap parti MCA. Beliau mencadangkan penyusunan semula MCA bagi menguatkan parti tersebut di peringkat ‘grass-root’, membantu orang Cina mendapatkan hak kerakyatan dan menggalakkan orang Cina menyertai MCA. Beliau percaya usaha ini perlu dilakukan segera supaya MCA tidak terus tenggelam dalam kancang politik tempatan.⁸⁰ Menurut LCE :

MCA perlu penyusunan semula, MCA perlu darah muda,
tugas reformasi perlu untuk mengembalikan kekuatan
MCA...⁸¹

Golongan ‘Young Turks’ diketuai oleh LCE, yang dibantu Too Joo Hing dan Yong Pung How, telah mendapat sokongan daripada MCA cawangan Pulau Pinang, Kedah, Perlis dan sebahagian cawangan Johor. Manakala kumpulan ‘Old Guards’ pimpinan Tan Cheng Lock yang dibantu oleh Tan Siew Sin dan Ong Yoke Lin pula

⁷⁸ Selain itu, LCE dan Too Joo Hing juga membantah tindakan MCA menyingkir Lau Pak Khuan kerana mengadakan rombongan ke London. Cheah See Kian, *Penilaian Dr. Lim Chong Eu*, hlm. 77.

⁷⁹ J.P.Ongkili, *Nation Building in Malaysia 1946-1976*, Oxford University Press, New York, 1985, hlm. 111

⁸⁰ Cheah See Kian, *Penilaian Dr. Lim Chong Eu*, hlm. 75

⁸¹ *Ibid.*, hlm. 87

mendapat sokongan MCA cawangan Perak, Selangor, Melaka, Pahang serta Singapura.

Kedua-dua kumpulan ini telah bersaing kuasa dalam MCA.⁸²

Dalam Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang diadakan pada 23 Mac 1958, LCE telah mengalahkan Tan Cheng Lock dan menyandang jawatan Presiden MCA dengan kemenangan 89 undi berbanding 67 undi. Too Joo Hing pula menjadi Setiausaha Agung MCA. Yong Pung How menjadi Pengerusi Bahagian Publisiti⁸³.

Dalam ucapan dasar pejuangan pertamanya pada 30 November 1958, LCE telah menyatakan bahawa :

Pertama sekali kita mahu persamaan dalam negara ini. Kedua, kita mesti ada kepercayaan dalam cara hidup, bahasa, sekolah. Ketiga, kita harap akan mencapai kemajuan dan persamaan ekonomi.⁸⁴


Bagaimanapun, kata-kata LCE ini telah menimbulkan perasaan tidak puas hati suratkhabar Melayu yang menyifatkan pemimpin baru MCA ini adalah terlalu bersifat ekstremis. Misalnya, akhbar *Utusan Melayu* mengkritik LCE dan menyifatkan beliau mengutamakan kepentingan masyarakat Cina lebih daripada perpaduan negara.⁸⁵

Sebagai Presiden MCA yang didukung oleh kumpulan berpendidikan Cina, LCE menumpukan perhatian kepada perkembangan kedudukan bahasa Cina dan pendidikan sekolah Cina. Beliau dan kumpulan berpendidikan Cina dalam MCA mahu bahasa Kuo Yu menjadi salah satu bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan melalui sistem pendidikan

⁸² *Ibid.*, hlm. 88

⁸³ *Straits Times*, 24/3/58, *Sing Pin Jit Poh*, 24/3/58. Karl Von Vorys, *Democracy Without Consensus : Communalism and Political Stability in Malaysia*, Princeton University Press, New Jersey, 1975, hlm.163.

⁸⁴ R.K.Vasil, *Ethnic Politics in Malaya*, hlm. 108 .



Gambar 2.1 Sebagai Presiden MCA, LCE sering mendapat perhatian para pemberita.

⁸⁵ *Sing Pin Jit Poh*, 26/3/58.

Cina. Beliau sedar masalah ini telah lama menyelubungi masyarakat Cina.⁸⁶ Untuk mendapatkan ini, beliau sering mengadakan perbincangan dengan Menteri Pelajaran, Tun Abdul Razak berkenaan masalah pendidikan bahasa Cina. Tambahan pula, LCE juga diberi kepercayaan mengetuai Majlis Penyemakan Semula Laporan Razak 1959. Kemajuan yang dicapai ini menyenangkan UCTSA.⁸⁷

Sokongan dua organisasi pendidikan Cina iaitu UCTSA dan AMCSMA menggalakkan LCE membuat tuntutan yang lebih tegas bagi kepentingan masyarakat Cina dalam soal bahasa Cina dan sekolah Cina. Malahan MCACECC (Malayan Chinese Association Chinese Education Central Committee) bersama-sama kedua-dua organisasi ini telah bekerjasama untuk memperkuatkan lagi organisasi pendidikan Cina yang dikenali Tiga Badan Utama (Three Major Bodies). Dalam mesyuarat yang diadakan di Bangunan MCA pada 1 Jun 1958, LCE telah dilantik sebagai pengurus organiasasi itu. Fungsi utama organisasi ini ialah memperjuangkan hak dan kepentingan pendidikan Cina. Selain itu, LCE telah memberi jaminan akan berusaha sepenuhnya untuk memperjuangkan kepentingan pendidikan Cina. Jaminan LCE ini telah disambut baik oleh Lim Lian Geok yang juga merupakan pengurus AMCSMA. Mengikut Lim Lian Geok :

Kesedaran LCE selaku Presiden MCA mengenai masalah pendidikan Cina serta memahami sistem pendidikan ini. Kita yakin di bawah pimpinan beliau, masa depan pendidikan Cina adalah cerah.⁸⁸

⁸⁶ Ibid.

⁸⁷ K.Ramanathan, *Politik dalam Pendidikan Bahasa*, hlm.78.

⁸⁸ Sing Pin Jit Poh, 2/6/58.

Berdasarkan kenyataan di atas, ini menunjukkan bahawa masyarakat Cina telah menaruh harapan yang besar kepada MCA pimpinan LCE untuk menjaga kepentingan mereka. Ertinya, dasar perjuangan utama LCE semasa memimpin MCA ialah soal pendaulatan bahasa Cina dan pembelaan sekolah Cina sebagai sekolah kebangsaan.

Sebagai pemimpin MCA, LCE sentiasa menyeru orang-orang Cina supaya mendaftar sebagai rakyat Tanah Melayu kerana beliau berpendapat hanya cara inilah membolehkan orang Cina menjadi pengundi dalam pilihanraya yang diadakan. Keadaan ini penting bagi memastikan kepentingan masyarakat Cina dapat dipelihara dengan mempunyai wakil yang lebih ramai dalam Majlis Perundungan Persekutuan. Oleh itu, beliau sering membuat lawatan ke seluruh Tanah Melayu untuk tujuan tersebut. Malahan MCA turut menjalankan kempen-kempen menggalakkan orang-orang Cina mendapatkan hak kerakyatan Tanah Melayu.⁸⁹

Sememangnya LCE lebih berminat memperjuangkan kepentingan orang Cina melalui cara perlembagaan. Ini bersesuaian dengan pendekatan politiknya yang bersifat sederhana. Yang jelas, LCE ingin MCA dan orang Cina bersatu hati bagi menjaga kepentingan masyarakat Cina. Menurut LCE :

Saya meminta semua orang Cina memohon kerakyatan, menyertai MCA dan bersatu hati memberi sumbangan kepada negara ini bersama-sama dengan masyarakat India dan Melayu.⁹⁰

Beliau kemudiannya menambah :

⁸⁹ Di Selangor, sejak 17 November 1957 hingga 30 April 1958, seramai 83000 orang Cina memohon kerakyatan. *Sing Pin Jit Poh*, 12/5/58.

Perlembagaan 1948 adalah tidak adil bagi masyarakat Cina. Oleh itu, tugas utama MCA sebelum kemerdekaan ialah berusaha membantu orang Cina mendapat hak kerakyatan... oleh itu, kita harus tuntut hak kita melalui cara perlembagaan. Maka, kita harus mendapatkan hak kerakyatan untuk menjadi pengundi.⁹¹

Tindakan politik LCE ini menunjukkan beliau sangat sedar akan kehendak sebuah negara yang merdeka kerana rakyat Tanah Melayu terdiri daripada berbilang kaum. Bagi LCE, tanggungjawab masyarakat Cina mendapatkan hak kerakyatan Tanah Melayu adalah penting sekali sebagai bukti memberikan ketataan sepenuh dan menyumpah kesetiaan kepada negara ini. Beliau percaya ini merupakan satu keadaan politik yang boleh menjamin kepentingan masyarakat Cina.

Kepimpinan LCE dalam MCA yang menjadi anggota Perikatan adalah amat berterus terang sehingga menimbulkan konflik terbuka dengan kepimpinan Perikatan dan UMNO. Antaranya, pada 24 Jun 1959 di mana LCE telah mengirim sepucuk surat kepada Ketua Perikatan dan UMNO iaitu Tengku Abdul Rahman bagi menuntut pertambahan kerusi yang diperuntukan kepada MCA dalam Pilihanraya Persekutuan 1959 iaitu berjumlah 40 kerusi daripada 104 kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Alasannya ialah supaya MCA mempunyai hak bersuara yang lebih kuat dalam soal pindaan perlembagaan. Selain itu, MCA juga meminta supaya pendidikan Cina dimasukkan dalam Manifesto Perikatan.⁹² Sebenarnya tujuan LCE mengemukakan permintaan tersebut adalah untuk menunjukkan kepada masyarakat Cina bahawa MCA bersungguh-sungguh menuangkan hak dan kepentingan mereka.

⁹⁰ *Sing Pin Jit Poh*, 25/3/58.

⁹¹ Semasa LCE memberi ucapan ini di Dewan Perhimpunan Orang-Orang Cina pada 11 November 1958, beliau telah berucap dengan menggunakan bahasa Cina sepenuhnya. Yang menarik, LCE adalah pemimpin MCA pertama berucap dalam bahasa Cina sejak parti ini ditubuhkan. *Sing Pin Jit Poh*, 12/5/58, 28/5/58.

Krisis ini bermula apabila surat sulit yang dikirimkan oleh LCE kepada Tengku Abdul Rahman ini telah didedahkan pada umum oleh Pengurus Publisiti Parti iaitu Yong Pung How pada 9 Julai 1959. Lanjutan pengumuman surat ini ialah kenyataan dari Yong Pung How iaitu :

Jika kita tidak berjaya mendapatkan apa yang dianggap adil bagi kami. Jawatankuasa Am MCA akan menentukan sama ada kami akan memperjuangkan di bawah lambang Perikatan atau bersendirian.⁹³

Tengku Abdul Rahman amat marah dengan pendedahan surat ini dan menyatakan kekecewaannya terhadap tindakan tersebut. Menurut surat Tengku kepada LCE :

*It is obvious that your intention is to break from the Alliance and it offers me and others in the Alliance no room for discussion... Undeterred and we will fight the election as the Alliance with MIC and those members of the MCA who do not support your stand and believe in the honest intentions and integrity of the Alliance Party.*⁹⁴

Ketegasan Tengku itu telah menyebabkan LCE bertindak segera memberikan penjelasan kepada Tengku dan menyatakan tuntutan beliau ini disokong oleh Tan Cheng Lock berdasarkan tandatangan beliau dalam surat sokongannya itu. Surat ini berbunyi :

Dear members, Dr.Lim Chong Eu has been seen me and has come and consulted me over the two points on which he had written to Tengku Abdul Rahman, viz. That we must have at least one third of the seats for the MCA...I

⁹² Straits Echo, 10/7/59.

⁹³ R.S.Milne dan D.K. Mauzy, *Politik Dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.178.

⁹⁴ Straits Echo, 11/7/59.

*sincerely advise all of you to stand firm on these two points
for the sake of the Malayan Chinese...⁹⁵*

Bagaimanapun, Tan Cheng Lock dan anaknya, Tan Siew Sin telah menolak dakwaan LCE itu. Sebaliknya, mereka mendakwa LCE menggunakan tipu muslihat untuk mendapatkan tandatangan Tan Cheng Lock. Menurut Tan Cheng Lock :

Saya terpaksa mengakui bahawa saya telah tertipu untuk menandatangani surat ini dengan tidak diberitahu ⁹⁶ kandungan surat ini terlebih dahulu.

Dalam soal ini, penulis tidak dapat memastikan sama ada Tan Cheng Lock atau LCE sendiri yang bermain sandiwara politik dalam isu ini kerana tidak ada sebarang keterangan lanjut yang jelas berkenaan konflik terbuka kedua-dua tokoh politik ini

Sungguhpun LCE sempat memohon maaf kepada Tengku tetapi Tengku telah menetapkan beberapa syarat untuk membolehkan MCA terus kekal dalam Perikatan iaitu Tengku meminta supaya MCA menarik balik semua tuntutan tersebut, membersihkan parti daripada para cauvinis tertentu dan beliau diberi kuasa untuk memilih sendiri semua calon MCA yang akan bertanding dalam pilihanraya Parlimen akan datang.⁹⁷

Akhirnya LCE telah mengemukakan syarat-syarat ini dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Agung Pusat MCA yang diadakan pada 12 Julai 1959. Hasil mesyuarat ini, Jawatankuasa Am Pusat MCA telah mengundi 89 lawan 60 untuk menerima syarat

⁹⁵ *Straits Times*, 11/7/59.

⁹⁶ *Berita Harian*, 11/7/59.

⁹⁷ R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.178. Lihat juga B.Simandjuntak, *Malaya Federalism 1945-1963 : A Study of Federal Problems in a Plural Society*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm.111-115.



Gambar 2.2 Kegagalannya mendapat peruntukan lebih banyak kerusi Parlimen dalam pilihanraya 1959 mengecewakan LCE.

Tengku dan kekal dalam Perikatan.⁹⁸ Pada 13 Julai 1959, Tengku mengumumkan pembahagian kerusi untuk Pilihanraya Parlimen ini iaitu UMNO mendapat 69 kerusi, MCA memperolehi 32 kerusi dan MIC diperuntukkan tiga kerusi.⁹⁹ Malangnya, MCA hanya memperolehi 31 kerusi pada saat-saat akhir semasa hari penamaan calon Pilihanraya Parlimen 1959 yang diadakan pada 15 Julai 1959.¹⁰⁰ Bagi masyarakat Cina, kegagalan LCE dalam tuntutan-tuntutan ini merupakan satu kerugian besar kepada orang Cina dalam jangka masa panjang.¹⁰¹

Keputusan MCA ini telah mengecewakan golongan '*Young Turks*', akibatnya beberapa pimpinan utama MCA telah meletakkan jawatan, antaranya Yong Pung How, Too Joo Hing, Chin See Yin dan S.M. Yong.¹⁰² Mereka mengkritik sikap menyerah kalah MCA. Pada masa yang sama, kedudukan LCE dalam MCA juga tergugat. Malahan nama LCE disingkir daripada senarai pencalonan yang bakal bertanding dalam pilihanraya

⁹⁸ Antaranya MCA setuju dengan peruntukkan 32 kerusi untuk Pilihanraya Parlimen 1959 dan calon-calon MCA dipilih oleh Tengku. UMNO pula mendapat 70 kerusi dan MIC mendapat dua kerusi sahaja. *Straits Echo*, 13/7/59.

⁹⁹ *Straits Echo*, 14/7/59. Tambahan satu kerusi kepada MIC adalah kerana susulan ancaman Ketua Penerangan MIC, Athi Nahappan akan meletak jawatan jika MIC gagal meminta lebih daripada dua kerusi. Cawangan MIC di Bangsar juga mengambil keputusan membubarkan cawangan ini kerana tidak puas hati dengan pembahagian kerusi ini. Kerusi ketiga MIC ialah di Port Dickson dan calon MIC ialah Mahima Singh. *Straits Echo*, 13/7/59, 14/7/59.

¹⁰⁰ Pada mulanya MCA diberi 32 kerusi tetapi calon MCA iaitu Dr.Chong Ah Khoon tarik diri kerana masalah kesihatan. Oleh itu, calon MIC, A.S.Dawood dipilih mengambil tempat beliau kerana tidak ada calon MCA yang sesuai. Ini menjadikan UMNO mempunyai 69 kerusi, MCA pula 31 kerusi dan MIC ialah empat kerusi. *Straits Echo*, 16/7/59. Jumlah calon ini berbeza dengan yang dikemukakan oleh R.K.Vasil yang mengatakan UMNO mempunyai 70 kerusi, MCA 31 kerusi dan MIC mempunyai tiga kerusi. R.K.Vasil, *The Malaysian General Election of 1969*, Oxford University Press, Singapore, 1972, hlm.85. Penulis mendapat angka ini berbeza dengan angka yang dikemukakan oleh suratkhabar pada bulan Julai 1959. Berdasarkan bacaan penulis dalam Penyata Pilihanraya 1959 mendapat empat calon MIC ialah V.T.Sambanthan, V.Manikavasagam, Mahima Singh dan A.S.Dawood. Federation of Malaya, *Report on the Parliamentary and State Election 1959*, Government Press, Kuala Lumpur, 1960.

¹⁰¹ *Nanyang Siang Pao*, 24/12/99.

¹⁰² *Berita Harian*, 14/7/59. 12 pengawai MCA Perak (cawangan Kinta) juga letak jawatan termasuk adik Too Joo Hing iaitu Too Joo Ting. *Straits Echo*, 16/7/59, 18/7/59.

1959.¹⁰³ Ini menunjukkan akibat krisis 1959, kedudukan LCE sebagai ketua kebangsaan MCA sudah tidak dapat dipertahankan lagi.

Keadaan ini telah membolehkan golongan ‘*Old Guards*’ kembali menguasai MCA seperti Tan Siew Sin, Ong Yoke Lin dan T.H.Tan. Dalam pilihanraya 1959 yang diadakan pada 19 Ogos 1959, MCA hanya memenangi 19 kerusi daripada 31 kerusi yang diperuntukkan. Ini menunjukkan pangaruh politik MCA kian merosot seiring dengan kedudukan LCE dalam parti tersebut.¹⁰⁴

Akhirnya LCE meletakkan jawatan sebagai Presiden MCA pada 30 Julai 1959 atas alasan masalah kesihatan dan mendapatkan rawatan kesakitan “automonic dystonia” di England. Beliau mengambil keputusan berlepas ke London pada 4 Ogos 1959. Tempatnya telah diambilalih oleh Cheah Took Lok pada 2 Ogos 1959¹⁰⁵ sebelum digantikan oleh Tan Siew Sin pada tahun 1961.¹⁰⁶

Sungguhpun penglibatan LCE dalam MCA hanya selama lima tahun sahaja tetapi beliau telah mencatat namanya sebagai Presiden MCA yang paling kontroversi susulan berlakunya konflik dengan UMNO. Bagaimanapun, kemelut politik yang dihadapinya dalam MCA tidak melemahkan semangatnya untuk terus berkecimpung dalam arena politik tempatan yang penuh mencabar ini.

¹⁰³ *Straits Echo*, 16/7/59.

¹⁰⁴ Li Wan Qian, “Ringkasan Perkembangan Politik Orang Cina di Malaysia,” dalam *Perkembangan Sejarah Orang Cina di Malaysia*, Huazi Research and Resource, Kuala Lumpur, 1988, hlm.15. Di Pulau Pinang, Parti Perikatan menang lima daripada lapan kerusi Parlimen yang dipertandingkan. Mereka ialah Haji Ahmad bin Saad, Tan Cheng Bee, Ibrahim bin Abdul Rahman, Geh Chong Keat, Ismail bin Idris. Parti Perikatan turut menang 17 daripada 24 kerusi Dewan Undangan Negeri yang dipertandingkan. Federation of Malaya, *Report on the Parliamentary and State Election 1959*, hlm.42-54.

¹⁰⁵ *Straits Echo*, 31/7/59, 3/8/59.

¹⁰⁶ Cheah See Kian, *Perubahan dalam Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia*, hlm. 68-69.

United Democratic Party (UDP)

Perletakan jawatan LCE sebagai Presiden MCA pada Julai 1959 bukan merupakan titik berakhirnya penglibatannya dalam dunia politik. Sekembalinya ke Pulau Pinang pada 1960 selepas mendapat rawatan perubatan di England, beliau terbaca ayat puisi Homer iaitu “ You shall see the difference now that we are back again”.¹⁰⁷ Namun, beliau tidak tergesa-gesa menubuh sebuah parti politik baru walaupun diminta oleh penyokong politiknya. Ini kerana LCE berpendapat “*these approaches were based on communal issues and a fight on these issues would have stirred up very strong and bitter feelings*”.¹⁰⁸ Selain itu, LCE masih lagi merupakan ahli MCA.

Pada peringkat awal, LCE telah bertugas semula di klinik Su Beng sebagai doktor. Di klinik beliau sering berbincang hal-hal politik dengan pesakit-pesakitnya. Selain itu, beliau juga sering mengadakan pertemuan dengan bekas rakan seperjuangannya dalam MCA seperti Chin See Yin¹⁰⁹, Too Joo Hing¹¹⁰, Quek Kai Dong, Lawrence H.C. Huang dan Tan Suan Kok. Dan LCE hanya menarik diri sebagai ahli MCA pada 1961. Oleh kerana terlalu asyik dengan politik, perniagaan LCE di klinik semakin merosot kerana pesakitnya terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan rawatan.¹¹¹

Bagaimanapun, tindakan Tengku mengumumkan rancangan penubuhan Malaysia¹¹² pada 27 Mei 1961 telah mengubah fikiran LCE. Bagi LCE, beliau tidak

¹⁰⁷ *Sin Min Ryh Baw*, 16/8/94.

¹⁰⁸ R.K.Vasil, *Politics in a Plural Society*, hlm.252-253.

¹⁰⁹ Chin See Yin atas sokongan LCE telah menyertai Pilihanraya Bandaran Seremban 1961 dan mendapat kemenangan. *Straits Echo*, 24/4/61.

¹¹⁰ Too Joo Hing juga mendapat sokongan LCE semasa bertanding merebut kerusi Parlimen kawasan Teluk Intan pada 30 Mei 1961 dan mencapai kemenangan. *Straits Echo*, 2/5/61.

¹¹¹ Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm. 144.

¹¹² Pengumuman mengenai cadangan untuk menuahkan sebuah Persekutuan Malaysia dibuat oleh Tengku mengandungi Tanah Melayu, Singapura, Borneo Utara, Sarawak dan mungkin Brunei. Sebab utama adalah

menentang konsep penubuhan Malaysia tetapi beliau tidak setuju dengan cara pelaksanaan konsep ini oleh Perikatan yang disifatkannya dilakukan secara tergesa-gesa. Beliau berpendapat tindakan Perikatan ini akan menjelaskan perjalanan demokrasi berpelembagaan negara ini. Untuk itu, LCE berpendirian sebelum Malaysia dibentuk, sokongan semua rakyat di Tanah Melayu dan penduduk kawasan-kawasan lain (Sabah, Sarawak, Singapura, Brunei) yang hendak disatukan adalah penting.¹¹³ Oleh itu, LCE kini mula merasakan masa sudah tiba untuk penubuhan sebuah parti politik baru bagi bersaing dengan Parti Perikatan. Menurut LCE :

*When the Tunku decided to form Malaysia, I thought that this was the time to look into the unresolved communal issues on a wider basic.*¹¹⁴

Pada April 1962, LCE bersama-sama Too Joo Hing mengumumkan hasrat mereka untuk menubuhkan sebuah parti bukan perkauman untuk mencabar Perikatan.¹¹⁵ Berita

kerana keadaan dalam negeri Singapura di mana kerajaan PAP yang sedang memerintah menghadapi ancaman komunis. Tengku menjangkakan menyatakan Tanah Melayu dan Singapura akan menyekat komunisme di Singapura. Pergabungan dengan negeri-negeri Borneo maka jumlah penduduk bumiputera Borneo akan mengimbangkan majoriti penduduk Cina di Singapura. Terdapat banyak buku yang membincangkan penubuhan Malaysia. Sila rujuk R.K.Milne dan D.S.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.71-75. Yusof Harun, *Tunku Idealisme dalam Kenangan*, Yayasan Bumiputera Pulau Pinang, 1991, hlm.218-220. M.Thambirajah, *Malaysia dalam Sejarah*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1979, hlm.51. Victor Purcell, *Malaysia*, Walker and Company, New York, 1965. Milton.E.Osborne, *Singapore and Malaysia*, Cornell University, New York, 1964. Tunku Abdul Rahman, *Pandang Balik*, Heinemann Educational Books (Asia), Kuala Lumpur, 1980. Mohamed Noordin Sopiee, *From Malayan Union To Singapore Separation : Political Unification in the Malaysia Region 1945-1965*, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974.

¹¹³ Selain itu, LCE juga berpendapat Perikatan mempunyai tanggungjawab yang semakin berat iaitu mestи menguatkan sistem pertahanan, memperkembangkan pertumbuhan ekonomi dan jalin hubungan diplomatik yang baik dengan negara-negara lain. *Straits Echo*, 15/4/63. *Sing Pin Jit Poh*, 15/4/63.

¹¹⁴ R.K.Vasil,*Ethnic Politics in Malaysia*, hlm.137-138.

¹¹⁵ G.P.Means, *Malaysian Politics*, hlm.247. Pada Peringkat awal, LCE bersama-sama penyokongnya ingin menuju sebuah parti perkauman untuk menggantikan MCA tetapi berubah fikiran apabila rancangan Malaysia diumumkan. Cheah See Kian, *Perubahan dalam Aliran Pemikiran Politik Bangsa Cina di Malaysia*, hlm.90.



Gambar 2.3 LCE menampilkan gaya rambut baru semasa menukuhan UDP.

ini benar-benar menggembirakan penyokong-penyokong LCE yang selama ini amat mendahagakan kepimpinannya sejak beliau keluar dari MCA.

Di bawah pimpinan LCE, UDP telah ditubuhkan dalam satu mesyuarat di Dewan Bandaran Seremban pada 21 April 1962.¹¹⁶ Pemilihan lokasi di Seremban adalah disebabkan dua penyokong kuat LCE iaitu Chin See Yin dan Quek Kai Dong telah menang dalam pilihanraya Persekutuan 1959 sebagai calon bebas. Selain itu, Chin See Yin telah mengetuai barisan calon bebas menang majoriti dalam Pilihanraya Majlis Perbandaran Seremban (9 kerusi) pada 1961.¹¹⁷ Ini bererti, selain Pulau Pinang, markas utama LCE ialah di Seremban. Dalam majlis penubuhan UDP, D.R. Seenivasagam dari PPP turut hadir dan memberi jaminan akan beri kerjasama dan sokongan kepada parti baru ini. Tujuan penubuhan UDP menurut LCE :

*... is resolutely to encourage people in this country to work together for the benefit of the nation through faith and not through fear.*¹¹⁸

Bagi LCE, beliau percaya masalah sosial di Tanah Melayu tidak boleh diselesaikan melalui usaha satu kaum sebaliknya perlu diatasi melalui kerjasama semua kaum. Bagaimanapun, penubuhan UDP oleh LCE ini telah disifatkan oleh Tengku sebagai bertujuan memecahbelahkan perpaduan orang Cina dan Melayu.¹¹⁹ Sebagai tanda menunjukkan UDP adalah sebuah parti bersifat bukan perkauman. Haji Abdul Hamid bin Haji Ishak iaitu bekas pemimpin Parti Negara telah dilantik sebagai Pengurus Sementara

¹¹⁶ *Straits Echo*, 23/4/62.R.K.Vasil, *Politics in a Plural Society*, hlm.254.

¹¹⁷ Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.146.

¹¹⁸ *Straits Echo*, 24/4/62.

¹¹⁹ *Straits Echo*, 1/5/62.

UDP, manakala LCE sebagai Naib Pengerusi, Chin See Yin dan Quek Kai Dong masing-masing dilantik sebagai Setiausaha Agung dan Timbalan Setiausaha Agung UDP.¹²⁰

Penampilan UDP sebagai parti bukan perkauman merupakan usaha LCE untuk mendapatkan sokongan daripada semua kaum kerana beliau sedar UDP adalah sebuah parti politik yang baru ditubuhkan. Malahan beliau telah menyatakan kesanggupannya untuk berkerjasama dengan mana-mana organisasi politik di Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Borneo Utara yang mempunyai matlamat yang sama dengan UDP.¹²¹ Menurut LCE :

*The constitution of the party also provides for the setting up a common front in Alliance with opposition parties against ruling party.*¹²²

Bagaimanapun, tidak banyak kegiatan parti yang dilakukan oleh UDP di antara tarikh penubuhannya dengan tarikh Perhimpunan Pusat pada bulan April 1963. Pada tahun tersebut, beberapa cawangan telah ditubuhkan, malangnya UDP tidak mendapat banyak sokongan.¹²³ Kebanyakan cawangannya terletak di kawasan yang berpendudukan ramai orang Cina seperti Pulau Pinang, Perak, Negeri Sembilan, Johor dan Melaka.¹²⁴ Ini berikutan kebanyakan pemimpin-pemimpin parti berasal dari negeri-negeri ini. Di negeri-negeri lain pula tidak ada pemimpin utama untuk menubuhkan cawangan dan menyokong UDP.¹²⁵

¹²⁰ G.P.Means, *Malaysian Politics*, hlm.248.


¹²¹ *Straits Echo*, 26/4/62.

¹²² *Straits Echo*, 15/4/63.

¹²³ R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.192.

¹²⁴ K.J.Ratnam dan R.S.Milne, *The Malaysian Parliamentary Election of 1964*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1969, hlm.53.

¹²⁵ Negeri-negeri ini berpendudukan majoriti orang Melayu seperti Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Pahang. R.K.Vasil, *Politics in a Plural Society*, hlm.267.



Gambar 2.4 LCE mempengerusikan satu Perhimpunan Perwakilan UDP.

Bagaimanapun, kedudukan LCE dalam UDP tergugat seketika kerana berlaku perbezaan pendapat di kalangan pemimpinnya. Walaupun LCE masih memperjuangkan kepentingan orang Cina namun beliau tetap menjaga hak kaum-kaum yang lain. Tetapi bagi Chin See Yin, pembentukan UDP adalah “*for the protection of the non-Malays, in particular the Chinese. Communalism and chauvinism are a fact. Anyone who says that's he is non-communal and not chauvinistic is a hypocrite.*”¹²⁶

Hubungan antara golongan moderat pimpinan LCE dan golongan extremis Cina dari Seremban bertambah renggang pada akhir tahun 1962 dan awal 1963 apabila LCE ingin menubuhkan satu barisan bersatu anti-Perikatan yang terdiri daripada parti-parti pembangkang termasuk Socialist Front (SF) tetapi dibantah oleh Chin See Yin. Perbezaan pendapat antara pemimpin UDP dari segi sifat, polisi dan dasar parti ini terus melemahkan UDP dan menyebabkan parti ini kurang mendapat sambutan daripada masyarakat.

Pada 14 April 1963, Mesyuarat Perhimpunan Agung UDP diadakan di Kuala Lumpur. Golongan moderat telah mengatasi golongan *ultras* apabila parti tersebut dikuasai oleh Lawrence H.C.Huang dan Ng Ek Teong yang merupakan penyokong kuat LCE. Chin See Yin dan Quek Kai Dong gagal mendapat sebarang jawatan yang penting dalam parti. Malah mereka tidak disenaraikan sebagai anggota Jawatankuasa Tertinggi UDP. Dato Zainal Abidin bin Haji Abas dilantik sebagai Presiden UDP.¹²⁷ Manakala, LCE pula dipilih sebagai Setiausaha Agung UDP. Pada 18 April 1963, golongan *ultras* pimpinan Chin See Yin telah bertindak keluar dari UDP termasuk Quek Kai Dong

¹²⁶ R.K.Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, hlm.137-138.

¹²⁷ Naib Presiden UDP ialah Too Joo Hing. Ahli-ahli Jawatankuasa Tinggi ialah Teh Sim Poh, Ooi Chooi Cheng, Lim Cheng Bee, Yap Kah Khoon dan Nathan. *Sing Pin Jit Poh*, 15/4/63, 19/4/63. R.K.Vasil, *Politics in a Plural Society*, hlm.256-257.

dengan alasan tidak setuju dengan dasar parti yang ingin bekerjasama dengan parti politik lain.¹²⁸ Keadaan ini mendorong LCE memindahkan ibu pejabat UDP dari Seremban ke Pulau Pinang pada tahun yang sama.

Pada tahun 1963, UDP telah bertanding dalam Pilihanraya Majlis Bandaran George Town. Tujuan penyertaan UDP adalah kerana LCE ingin menguji sokongan masyarakat Pulau Pinang kepada parti tersebut. Manakala, LCE tidak bertanding dalam pilihanraya ini kerana ingin bertanding dalam Pilihanraya Umum 1964. Dalam pilihanraya 1963 ini, UDP hanya menang satu kerusi melalui Teh Ewe Lim. Manakala SF dan Parti Perikatan pula masing-masing memenangi sembilan kerusi dan lima kerusi.¹²⁹ Keputusan pilihanraya ini menunjukkan sokongan masyarakat Pulau Pinang kepada UDP masih lemah.

Tugas berat menanti UDP pimpinan LCE apabila menyediakan diri untuk bertanding dalam Pilihanraya Umum 1964. Isu Pilihanraya Umum 1964 yang mengatasi segala-galanya ialah Konfrontasi Indonesia terhadap penubuhan Malaysia. Pada prinsipnya, UDP telah menerima dan menyokong penuh usaha menentang Konfrontasi Indonesia.¹³⁰ Walaupun UDP mengkritik polisi kerajaan terhadap pendidikan Cina, namun ini tidak bererti bahawa UDP hanya memperjuangkan kepentingan masyarakat

¹²⁸ Ahli-ahli lain yang meninggalkan UDP ialah Yuen Sin Ming, Goh Yuk, Fai See Leong, Lau Kah Fah, Phoo Yu Kong, Chow Mun Soon dan Lee Aun Teik. *Sing Pin Jit Poh*, 19/4/63, 20/4/63, 27/4/63. Manakala LCE mengemukakan sebab Chin See Yin menyuruh beliau menjadikan UDP lebih bersifat ekstremis kerana bercita-cita menjadi Menteri Besar Negeri Sembilan. *Straits Echo*, 20/4/63.

¹²⁹ Dalam pilihanraya ini, UDP mengemukakan 15 calon. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.149-154.

¹³⁰ R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.203. Pada 1962 dan 1963 (Sehingga penubuhan Malaysia pada September 1963), SF, Parti Buruh, UDP, PAS dan Parti Negara telah menubuh satu gabungan parti pembangkang menentang penubuhan Malaysia di bawah pimpinan Abdul Aziz Ishak. Apabila Malaysia ditubuhkan pada September 1963, PPP, UDP dan Parti Buruh yang bergantung kepada sokongan orang Cina mula berubah sikap menyokong penubuhan Malaysia kerana penentangan Malaysia bererti mereka adalah pro Indonesia. Raj Vasil, *Tan Chee Khoon: An Elder Statesman*, Pelanduk Publications, Petaling Jaya, 1987, hlm.96-97.

Cina sahaja tetapi parti ini turut bersetuju dengan pengekalan hak keistimewaan orang Melayu dengan syarat hak ini bersifat sementara.¹³¹

Manifesto pendidikan UDP adalah

*All Malay school and all Chinese, Tamil and English school accepting Malay as a compulsory subject shall be entitled to equal treatment by Government and the medium of instruction shall be medium of examination. School Leaving Certificates, whether obtained in the National language or in the other medium, shall be accepted as of equivalent status in the seeking of employment and livelihood.*¹³²

Isu pendidikan Cina yang diperjuangkan oleh UDP ini telah mengecewakan sebahagian daripada masyarakat Cina yang mahu melihat UDP berjuang semata-mata untuk kepentingan orang Cina sahaja. Bagi komuniti Cina, UDP seharusnya mengambil tindakan yang lebih tegas untuk membolehkan mereka menjalankan sistem pendidikan mengikut kehendak masyarakat Cina.¹³³

Selain itu, semasa berkempen untuk pilihanraya ini, LCE telah berjanji akan membangunkan industri ringan di Pulau Pinang seperti pembuatan lampu, kimia, plastik dan mengadakan kawasan prindustrian terutamanya di Provinsi Wellesley. Selain soal ekonomi, beliau juga memberikan penekanan kepada aspek sosial seperti menghapus amalan minum " toddy ", mengadakan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji dan merancang semula kawasan perumahan di negeri ini serta mengatasi masalah pengangkutan yang dihadapi.¹³⁴ Bagi pandangan LCE, beliau cukup yakin masyarakat

¹³¹ K. J Ratnam dan R. S Milne, *The Malayan Parliamentary Election of 1964*, him 52

¹³² R. K Vasil, *Ethnic Politics in Malaysia*, him 142-143

¹³³ *Ibid*

¹³⁴ Janji-janji LCE lain ialah memastikan masyarakat mengambil bahagian dalam perkembangan sektor perindustrian, dirikan pusat membeli-belah, mengadakan sebuah kerajaan yang cekap, jujur dan demokrasi *Straits Echo*, 29.3.64, 2.4.64

Pulau Pinang akan memberi sokongan kuat pada UDP demi keselamatan dan keamanan negara, pengembalian status negeri ini sebagai pelabuhan bebas dan memastikan perkembangan ekonomi negeri yang lebih pesat.¹³⁵

Dalam Pilihanraya Umum yang diadakan pada 25 April 1964, UDP menamakan 27 calon untuk bertanding bagi merebut kerusi Parlimen dan 64 calon bagi kerusi Dewan Undangan Negeri. Malangnya, UDP di bawah pimpinan LCE hanya menang satu kerusi Parlimen iaitu LCE sendiri di kawasan Tanjung serta empat kerusi Dewan Undangan Negeri. Kesemuanya adalah di Pulau Pinang.¹³⁶ Calon UDP yang lain telah kalah sepenuhnya. Kejayaan LCE disebabkan oleh pengundi kawasan Tanjung menaruh simpati pada LCE kerana perjuangan beliau untuk kepentingan orang Cina¹³⁷ semasa dalam MCA dan mengharapkan peranannya sebagai ahli pembangkang menjadi lebih berkesan. Kejayaan LCE sebagai calon Parlimen dan calon Dewan Negeri di kawasan Kota menunjukkan UDP bergantung pada LCE dan markas utamanya adalah di Pulau Pinang. Tanpa beliau, UDP boleh terkubur pada bila-bila masa sahaja.

Bagaimanapun, LCE amat kecewa dengan keputusan pilihanraya ini kerana sokongan orang Cina yang agak besar pada MCA yang membolehkan parti ini memenangi 27 kerusi Parlimen dan 67 kerusi Dewan Negeri. Kegagalan LCE menubuhkan sebuah parti bukan perkauman yang kuat menunjukkan sikap perkauman dalam masyarakat masih tebal, serta kedudukan kuat Tan Siew Sin, T.H.Tan dan Ong Yoke Lin dalam MCA. Ringkasnya, peranan LCE dalam UDP adalah ‘One Man

¹³⁵ Straits Echo, 25/4/64.

¹³⁶ Calon UDP yang menang kerusi Dewan Undangan Negeri ialah LCE, The Geok Kooi, Khoo Kay Poh dan Teh Ewe Lim. Malaysia, The Election Commission. *Report on the Parliamentary (Dewan Rakyat) and State Legislative Assembly General Elections, 1964 of the States of Malaya*, Kuala Lumpur, 1965, hlm.141-143. Pencapaian penuh UDP dalam Pilihanraya Umum 1964 boleh dilihat dalam lampiran 1.

¹³⁷ Komposisi pengundi di Tanjung ialah 85.9 peratus pengundi Cina, 3.6 peratus pengundi Melayu dan 10.5 peratus pengundi India dan lain-lain. R.K.Vasil, *The Malaysia General Election of 1969*, hlm.105.

Show'.¹³⁸ Pada dasarnya, kekalahan teruk UDP pimpinan LCE adalah kerana beberapa faktor. Pertama, kegagalan percubaan LCE untuk mengenangkan imej UDP yang bersifat berbagai kaum kerana parti ini dianggap umum sebagai sebuah parti Cina dan ahli Melayunya tidak berjaya mendapatkan sokongan daripada masyarakat Melayu. Kedua, krisis perpecahan pendapat di kalangan pemimpin UDP pada tahun 1963 menyebabkan masyarakat hilang keyakinan kepada parti ini. Ketiga, UDP masih merupakan sebuah parti politik yang baru dan menghadapi masalah susunan organisasi yang lemah dan kekurangan kewangan. Keempat, UDP tidak mempunyai pendirian yang jelas mengenai bahasa Cina dan pendidikan Cina menyebabkan berlakunya kehilangan sebahagian undi Cina.¹³⁹

Kekalahan teruk parti-parti pembangkang dalam Pilihanraya Umum 1964¹⁴⁰ terus menguatkan keazaman LCE untuk bekerjasama dan bersatu hati dengan parti-parti ini bagi menyaingi Perikatan. Kesungguhan ini turut mendasari kerangka pemikiran pemimpin People's Action Party (PAP) iaitu Lee Kuan Yew setelah gagal menggantikan tempat MCA dalam Perikatan dan mengadakan kerajaan campuran antara Perikatan dengan PAP.¹⁴¹ Lee Kuan Yew telah memberi satu cogan kata berbunyi ‘Malaysian Malaysia’ yang memberi erti persamaan bangsa atau “Malaysia untuk bangsa Malaysia” pada bulan Mei 1965.

¹³⁸ Ho Sook Beng, “The Gerakan Rakyat Malaysia-An Investigation Into Break-up of a Malaysia Non-Communal Political Party”, Kajian Ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1972/73, hlm.55. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.156-158.

¹³⁹ R.S.Milne dan D.K.Mauzy, *Politik dan Kerajaan di Malaysia*, hlm.192. R.K.Vasil, “The General Election in Malaya,” in *International Studies*, Vol. VII No.1, 1965, hlm.51

¹⁴⁰ Perikatan menang 89 kerusi Parlimen, PAS menang 9 kerusi, SF memperolehi dua kerusi, PPP juga mendapat dua kerusi, DAP mendapat satu kerusi. J.P.Ongkili, *Nation-Building in Malaysia 1946-1976*, hlm.196.

¹⁴¹ Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.165.

Pada 9 Mei 1965, PAP telah menjadi peneraju menujukan barisan pembangkang iaitu Konvensyen Perpaduan Malaysia (Malaysian Solidarity Convention) atau MSF yang melibatkan juga UDP, PPP dan 2 buah parti Sarawak iaitu SUPP dan MACHINDA.¹⁴² Manakala LCE menghadiri konvensyen ini selaku wakil UDP.¹⁴³ Bagi LCE, beliau menyertai mesyuarat ini adalah untuk kepentingan rakyat Malaysia kerana ingin menyatukan rakyat negara ini dengan tidak berdasarkan sikap perkauman. Dalam konvensyen ini, LCE meminta rakyat supaya memberikan ketaatan kepada negara dan perlombagaan serta terima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Bagaimanapun, beliau menentang hak keistimewaan orang-orang Melayu yang disifatkannya hanya menguntungkan segelintir rakyat sahaja dan gagal mencapai keseimbangan ekonomi antara kaum.¹⁴⁴ Ertinya, LCE memberi satu cabaran kepada penguasaan atau konsep Melayu Malaysia yang seolah-olah kelihatan dalam politik Malaysia pada masa itu.

Penyertaan LCE dalam MSF telah membolehkan beliau menjalankan persahabatan yang akrab dengan Lee Kuan Yew. Beliau amat memandang tinggi pada bakat LCE dan ingin membantunya berjaya dalam politik. Untuk itu, LCE telah ditawarkan jawatan Menteri di Singapura. Faktor penyatuan LCE dan Lee Kuan Yew adalah kerana berdepan dengan musuh politik yang sama iaitu Perikatan. Bagaimanapun, niat baik Lee Kuan Yew ini telah ditolak oleh LCE kerana beliau yakin parti-parti pembangkang akan menjadi kuat dengan adanya MSF dan Pulau Pinang akan berada di bawah pentadbirannya kelak.

¹⁴² Tujuannya adalah menuntut kesamarataan bagi rakyat Malaysia, sebuah negara yang demokrasi dan merdeka serta menyatupadukan rakyat. *Sing Pin Jit Poh*, 10/5/65. SF dan PAS tidak serta konvensyen ini kerana mereka selama ini tidak menyokong konsep Malaysia. *Sing Pin Jit Poh*, 28/4/65.

¹⁴³ Wakil UDP lain ialah Lim Meng See dan Abdul Wahab bin Mohamed Yassin. Fong Sip Chee, *The PAP Story : The Pioneering Years*, Times Periodicals Pte Ltd, Singapore, 1979, hlm.157-158.

¹⁴⁴ *Sing Pin Jit Poh*, 26/4/65, 29/4/65. *Malayan Thung Pao*, 13/5/65.

Malangnya, MSF gagal akibat perpisahan Singapura daripada Malaysia pada 8 Ogos 1965. Ini memberi satu tamparan yang hebat kepada parti-parti pembangkang tetapi LCE tidak pernah berputus asa dan terus berjuang menandingi Perikatan. Pada 1966, UDP telah mengemukakan calon bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri bagi kawasan Ayer Itam dalam satu pilihanraya kecil.¹⁴⁵ Disebabkan pengaruh politik Perikatan yang kuat, maka LCE berazam untuk menujuhkan satu organisasi bagi menyatukan semua parti pembangkang yang akhirnya membawa kepada pembentukan Parti Gerakan Rakyat Malaysia (GERAKAN).

Maka, boleh dikatakan, walaupun LCE bergiat dalam banyak parti politik serta terlibat dalam berbagai episod politik yang penting, namun, kepimpinan beliau sama ada dalam PR, MCA dan UDP menonjolkan beberapa ciri kepimpinan dan idea politik yang tegas dan jelas. Beliau merupakan seorang yang mementingkan kerjasama antara kaum walaupun tetap bercakap mengenai kepentingan bahasa dan sekolah Cina. Idea dan konsep kerjasama antara kaum dalam sebuah parti politik telah diterapkan apabila LCE menujuhkan PR dan UDP. Beliau ialah seorang yang bersifat konservatif dan tidak percaya terhadap kekerasan untuk mencapai matlamat politik. Walaupun LCE memperjuangkan kepentingan masyarakat Cina semasa memimpin MCA, pendekatan politiknya adalah melalui saluran rundingan dan cara yang aman. Ringkasnya, setiap tindakan politik LCE itu dipengaruhi oleh sifat-sifat rasionalistik dan kewarasannya berpolitik dan bukan semata-mata perasaan sentimen perkauman yang melulu.

¹⁴⁵ Lee Kuan Yew, *Memoir Lee Kuan Yew 1923-1965*, Singapore United Publications, Singapore, 1998, hlm.676-678. Pilihanraya kecil ini diadakan kerana kematian ADUN dari Perikatan, Chow Sin Kheng. Parti UDP menamakan Tan Ghim Hwa untuk merebut kerusi tersebut tetapi kalah kepada calon SF, Lim Kean Siew. Cheah See Kian, *Penilaian Dr.Lim Chong Eu*, hlm.165-173.